

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II Bil. 2

Hari Selasa

29hb Mac, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL-USUL:

**Ucapan Takziah kepada Y.A.B. Toh Puan Lim Cheng Neow
dan Keluarganya atas Kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin**

(Ruangan 37)

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.N.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim**

(Ruangan 47)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 29hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PELARIAN PELASTIN - MEMBANTU

1. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah usaha Kerajaan masa kini berjaya dalam membantu mencegah keganasan Israel kepada pelarian Pelastin di Tebing Barat dan Semenanjung Ghaza yang semakin mengganas.

Timbalan Menteri Luar Negeri (**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan**): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan termasuk usaha-usaha diplomatik bagi menandakan sokongan serta simpati penuh pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia ke atas perjuangan rakyat Pelastin. Di antara lain, menerusi Tabung Rakyat Pelastin yang telah ditubuhkan baru-baru ini, Kerajaan telahpun berjaya memberikan sumbangan pertamanya sebanyak US\$30,000 dan kedua US\$40,000 kepada PLO. Kerajaan juga berhasrat untuk menyampaikan sumbangan kewangan seumpama ini kepada PLO menerusi Tabung tersebut dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan itu juga Kerajaan telah juga mengeluarkan beberapa kenyataan yang tegas menyatakan pendiriannya membantah sekeras-kerasaya tindakan zalim serta tidak berperikemanusiaan oleh tentera Rejim Tel Aviv ke atas penduduk-penduduk awam Pelastin di wilayah-wilayah Arab yang didudukinya.

Pendirian kita ini telah juga dikemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan juga di antara usaha-usaha diplomatik yang lain telahpun menggesa kuat Amerika Syarikat mengenakan tekanan sewajarnya ke atas Rejim Tel Aviv supaya menghentikan serta-merta tindakan-tindakan ganasnya ke atas penduduk awam Pelastin di Semenanjung Ghaza dan Tebing Barat, Sungai Jordan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sukar untuk ditentukan kejayaan usaha-usaha Kerajaan tersebut bagi membanteras tindakan-tindakan ganas Rejim Tel Aviv itu setakat ini, adalah diharapkan usaha-usaha kita ini dapat mencerahkan harapan agar usaha-usaha antarabangsa yang lebih bersungguh-sungguh dapat dibuat segera bagi mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan mengenai soal Pelastin ini.

Kerajaan dalam hal ini akan terus meneliti dengan rapat perkembangan di rantau tersebut serta akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan di atas perhatian berat dan simpati yang begitu mendalam kepada masalah Pelastin ataupun kekejaman yang dilakukan oleh Tel Aviv kepada rakyat Pelastin. Tetapi saya ingin tahu apakah derma-derma yang kita kutip sekarang disalurkan kepada rakyat yang sedaag menderita ini tentu salurannya atau boleh sampai terus kepada mereka tanpa ada sekatan-sekatan daripada Kerajaan Tel Aviv sendiri.

Kesimpulannya, saya ingin tahu adakah derma-derma yang dikutip di Malaysia dan di seluruh negara-negara yang simpati dengan masalah Pelastin ini akan sampai kepada pihak yang berkenaan. Dari saluran manakah derma-derma ini, pertolongan dan bantuan ini disalurkan.

Toh Muda Dr, Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih di atas pertanyaan Puan Ainon sebentar tadi. Untuk jawapan kepada soalan pertama, derma yang pertama itu pihak Kerajaan Malaysia telahpun menyalurkan melalui wakil PLO di Kuala Lumpur dan keduanya kepada Menteri Luar PLO di Amman sempena Persidangan Summit Negara-negara Pertubuhan Islam yang baru habis minggu sudah.

Dan kita diberi keyakinan oleh kedua-dua wakil PLO ini yang mereka akan memastikan duit yang kita pungut daripada penderma-penderma daripada dalam negara akan disalurkan kepada mereka yang memerlukannya. Dan ini kita boleh yakin pihak PLO yang merupakan wakil yang rasmi orang-orang Pelastin di Semenanjung Ghaza dan Tebing Barat akan dapat pasti supaya segala derma itu dapat tiba kepada sasarannya.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yaag di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah ada dua badan mewakili PLO di negara kita ini, satu wakil rasmi PLO dan satu yang konon Dr, Gordon.

Toh Kuda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wakil yang rasmi hanya satu iaitu PLO melalui wakilnya diterima, diiktiraf sebagai wakil rasmi oleh Kerajaan Malaysia. Satu lagi badan itu ialah di atas daya usaha seorang yang bernama **Dr. Alijah Gordon** yang membuat usaha-usaha secara sukarela dan tidak kena mengena dengan Kerajaan Malaysia mahupun Kerajaan PLO yang mana badan itu mengumpul derma dan mengajak orang-orang tertentu untuk menjadi volunteers, dengan izin, pergi ke tempat-tempat tahanan pelarian orang-orang Pelastin supaya dapat membantu pelarian-pelarian Pelastin daripada segi perubatan dan cara-cara sosial yang lain. Hanya satu yang ada, bukan dua.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya, tidakkah Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan negara kita ingin memberikan bantuan makanan dan ubat-ubatan kepada PLO ataupun rakyat Pelastin, selain daripada sokongan moral ataupun dengan memadai sahajakah dengan menubuhkan Tabung Pelastin itu.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Yang di-Pertua PLO iaitu Tuan Yasser Arafat hanya memohon sumbangan secara kewangan sahaja. Belum lagi pihak PLO menunjukkan mereka memerlukan bantuan pakaian, makanan ataupun ubat-ubatan. Sekiranya diperlukan, kita akan timbangkan.

CARUMAN PEKERJA MALAYSIA DI CPF SINGAPURA

2. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian mempunyai rekod jumlah bilangan pekerja-pekerja Malaysia dan wang mereka yang telah mencarum di CPF di Singapura;
- (b) apakah Kerajaan sedar bahawa jumlah wang pencarum yang besar dilaburkan oleh Kerajaan Singapura tanpa memikirkan kepentingan pekerja warganegara kita; dan
- (c) adakah tindakan Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja kita yang telah bersara bagi menuntut wang caruman supaya dapat mereka melabur di negara ini sekurang-kurangnya dalam ASN.

30388

37. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang simpanan "Central Provident Fund" Singapura yang telah disumbangkan oleh pekerja-pekerja warganegara Malaysia di Singapura sehingga 1987; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memindahkan wang simpanan "Central Provident Fund" Singapura ke akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia bagi pekerja-pekerja warganegara Malaysia yang balik dari Singapura dan tidak ingin bekerja di sana lagi pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Kewangan [**Tuan Loke Yuen Yow**]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng pada 30hb Mac, 1988 (hari esok) adalah mengenai perkara yang sama, saya bercadang menjawab soalan berkenaan serentak. Jawapan untuk perkara-perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:-

- (a) Kementerian Kewangan tidak mempunyai rekod jumlah bilangan pekerja-pekerja rakyat Malaysia yang mencarum kepada 'Central provident Fund' Singapura dan jumlah wang simpanan yang telah dicarumkan kepada Kumpulan Wang Simpanan tersebut.

- (b) Sebagaimana yang dinyatakan, maklumat-maklumat berhubung dengan jumlah sebenar wang simpanan pencarum-pencarum warganegara Malaysia di CPF tidaklah diketahui. Walau bagaimanapun, semua pencarum berkenaan menerima faedah atau dividen atas simpanan mereka itu tiap-tiap tahun sehingga mereka layak membuat permohonan mengeluarkan semua simpanan mereka seperti yang diamalkan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (c) Kerajaan tidak bercadang mengambil sebarang tindakan untuk membantu pekerja-pekerja warganegara Malaysia yang telah bersara bagi menuntut wang caruman mereka daripada CPF. Di bawah Akta CPF, warganegara Malaysia boleh mengeluarkan semua simpanan wang mereka apabila mencapai umur 50 tahun dan memenuhi semua syarat-syarat berikut:-
- (i) bahawa mereka sudah bermastautin di Malaysia Barat;
 - (ii) bahawa mereka telah berhenti kerja di Singapura dua tahun sebelumnya;
 - (iii) bahawa mereka rakyat Malaysia; dan
 - (iv) bahawa mereka tidak memegang Permit Kerja di Singapura.

Di sebaliknya rakyat Singapura yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan telah berhenti kerja di Malaysia untuk kembali ke Singapura selama-lamanya hanya boleh mengeluarkan semua wang simpanannya apabila mencapai umur 55 tahun sahaja.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Kewangan bercadang untuk mengadakan suatu kajian meninjau berapa ramai pekerja-pekerja kita yang telah mencarum dalam CPF di Singapura?

Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada setengah pekerja dalam negara kita yang telah bersara, apabila hendak menuntut carumannya dari CPF di Singapura telah dipaksa untuk membeli rumah di Singapura sebagai gantinya.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah soalan biasa yang sering orang bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kajian terhadap jumlah carunan yang ada di CPF.

Tuan Yang di-Pectua, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak mengetahui jumlah wang caruman yang ada di CPF oleh, kerana walaupun CPF telah menjalankan sistem komputer, tetapi di dalam rekod mereka hanya ada dua kategori iaitu kategori warganegara Singapura sendiri dan satu kategotri lagi iaitu warga-negara asing. Jadi, walaupun negara Malaysia adalah dekat dengan Singapura, tetapi pekerja-pekerja warganegara Malaysia yang bekerja di Singpura termasuk di bawah kategori pekerja-pekerja daripada negara asing. Oleh itu agak susah sedikit bagi Kerajaan kita untuk meminta CPF untuk memberitahu jumlah caruman ataupun jumlah bilangan pekerja warganegara kita yang bekerja di Singapura.

Bagi soalan yang kedua, saya bagi pihak Kementerian ingin menyatakan bahawa Kerajaan tidak sedar berkenaan dengan perkara itu. Jadi saya akan siasat. Terima kasih.

Puan Law Jack Yooo: Tuan Yang di-Pertua, sualan tambahan. Adakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan kita bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja warganegara Malaysia di Singapura?

Tuan Loke Yuep Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu. Kalau soalan itu ditanya dari segi caruman CPF

pekerja-pekerja warganegara Malaysia di Singapura, memanglah Kerajaan kita sentiasa menjaga kepentingan mereka dan Kerajaan kita pun sentiasa memastikan bahawa faedah-faedah dan dividen-dividen yang harus diberikan kepada caruman-caruman yang disalurkan kepada CPF oleh pekerja-pekerja Malaysia kita itu dapat diberikan.

SOOTH-EAST ASIA TIN RESEARCH AND DEVELOPMENT CENTRE (SEATRAD)

3. Tuan Azumu bin Haji Tak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan objektif penubuhan South-East Asia Tin Research and Development Centre (SEATRAD) dan berapakah sumbangan Kerajaan kepada badan itu tiap-tiap tahun.

30.3.88

15. Tuan Azumu bin Haji Tak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa dengan adanya SEATRAD, maka adakah sumbangan Kerajaan kepada International Tin Research Council di London akan dihentikan.

Menteri Perusahaan Utama [**Dato Dr. Lim Keng Yaik**]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini berkaitan dengan SEATRAD adalah sama dengan soalan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari esok (30.3.1988), saya bercadang menjawab kedua-dua soalan sekaligus.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya suka menjelaskan bahawa SEATRAD (South-East Asia Tin Research and Development Centre) dtubuhkan di bawah Program Pembangunan Bangsa-bangsa (UNDP) pada tahun 1978. Ianya dianggotai oleh Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Objektif penubuhan Pusat SEATRAD ini adalah secara amnya untuk menggalak, mengendali serta menyelaraskan program penyelidikan dan latihan di dalam bidang mencarigali, perlombongan, pemerosesan dan pelaburan timah di negara-negara ahli.

Perbelanjaan mengurus Pusat ini adalah disumbangkan oleh ketiga-tiga buah negara ahli atas dasar sama rata. Pada tiap-tiap tahun, Kerajaan Malaysia menyumbangkan kira-kira \$550,000 - 5600,000 kepada Pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan aktiviti Pusat SEATRAD adalah bercorak hulu (upstream) iaitu berhubung dengan pengeluaran, pemrosesan dan pelaburan timah. Manakala international Tin Research Institute (ITRI) pula menumpukan aktivitinya kepada bidang hiliran iaitu untuk meningkatkan dan menyibarluaskan penggunaan timah. Oleh yang demikian, tidak terdapat sebarang duplikasi tugas bagi kedua-dua badan ini.

Selaras dengan dasar Kerajaan yang menumpukan perhatian dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, maka Kerajaan akan terus menyumbang kepada institut tersebut selagi ianya memberi faedah kepada negara.

TANAH TERBIAR - PEMULIHAN

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Madsom minta Menteri Pertanian menerangkan, sehingga 31hb Disember, 1987 berapakah keluasan tanah terbiar yang dapat dimajukan atau dipulihkan oleh:

- (a) Agensi Kerajaan;
- (b) oleh swasta; dan
- (c) oleh kumpulan belia dan siswazah.

Timbalan Menteri Pertanian [**Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed**]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah bertanggungjawab untuk memajukan tanah terbiar.

Kementerian Pertanian bertanggungjawab untuk memulih dan memajukan tanah sawah terbiar, manakala Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensiaya iaitu FELCRA dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui RISDA

bertanggungjawab untuk memajukan tanah bukan sawah terbiar.

Untuk tanah sawah terbiar, keluasan yang telah dimajukan sehingga 31hb Disember, 1987 ialah seperti berikut:

- (i) Agensi Kerajaan - 38,360 hektar.
- (ii) Swasta - 1,051 hektar.
- (iii) Siswazahtani - 308 hektar.

Tanah-tanah sawah terbiar yang dipulihkan itu adalah dimajukan dengan tanaman-tanaman padi, kelapa sawit, koko, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman kontan. Kebanyakan daripada projek pemulihan ini diusahakan secara berkelompok dengan pengurusannya dipusatkan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan juga untuk memastikan tanah sawah tersebut tidak terbiar semula.

KEMPEN CINTAILAH BAHASA MALAYSIA

5. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak Kementerian Pendidikan mengadakan Kempen Cintailah Bahasa Malaysia dan menggunakan Bahasa Malaysia, apakah kesannya Kempen ini hingga masa kiai.

Timbalan Menteri Pendidikan [**Dr. Leo Michael Toyad**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak dilancarkan pada 11hb Disember, 1987, gerakan Cintailah Bahasa Kita nampaknya telah mendapat liputan, sambutan dan penyertaan yang sangat baik dan menggalakkan.

Pihak media elektronik, RTM dan TV3 telah mengadakan program forum khas, selain daripada liputan berita semasa dan hebahan promosi.

Pihak akhbar dan penerbitan berkala yang lain juga telah memberikan liputan yang luas tentang gerakan ini untuk menyedarkan seluruh masyarakat di semua sektor pengguna tentang kekuatan bahasa kita dan pentingnya Bahasa Kebangsaan diguna dengan betul dan meluas dalam semua urusan dan kehidupan sehari-hari.

Di sektor Kerajaan, Gerakan Cintailah Bahasa Kita sedang giat dilaksanakan dengan penyertaan Jabatan Kerajaan pada peringkat pusat dan negeri-negeri. Ada Jabatan Kerajaan yang sudah membetulkan kesalahan bahasa di tempat mereka. Pihak yang berkenaan, seperti pihak Kerajaan Tempatan, sedang mengambil langkah untuk memperbaiki dan meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di tempat-tempat awam. Beberapa pihak di sektor swasta nun turut menyertai gerakan ini dengan mengatur acara-acara yang melibatkan pelbagai kaum, kalangan perniagaan, parti politik dan golongan masyarakat. Penyertaan berbagai kaum ini adalah membanggakan.

Dalam bidang pembinaan dan pengembangan aspek-aspek bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan edisi kedua Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Daftar Ejaan Rumi-Jawi, dan pengkayaan perbendaharaan kata umum dengan kata-kata daripada bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak.

Kesemua perkembangan yang berlaku kini jelas menunjukkan bahawa usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan melalui program Gerakan Cintailah Bahasa Kita mendapat perhatian dan diterima oleh Kerajaan dan masyarakat. Inilah kesan atau kesimpulan awal yang dapat kita rumuskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah Kerajaan untuk menggunakan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini masih dalam peringkat kajian oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Kerajaan dan juga masih dalam usaha pengkajian untuk melaksanakan rancangan ini di mahkamah.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat pegawai-pegawai Kerajaan ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang mencampuradukkan bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dalam urusan mesyuarat rasmi Kerajaan. Jika sedar, apakahtindakan yang telah diambil dan akau diambil?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa ini adalah juga bermakna bahasa Malaysia dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris. Yang penting sekati dalam gerakan kita ini, kita sudahpun memupuk perasaan atau sikap bahawa kita menggunakan bahasa kita secara lebih berat dan juga dengan kesedaran bahawa kita menggunakan bahasa itu dengan betul untuk menyampaikan maklumat dan juga menggunakannya dengan cara yang patut.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, Kempen CintaiLah Bahasa Malaysia yang kita adakan ini tertumpu kepada masyarakat kita di dalam negeri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam usaha Kempen Cintailah Bahasa Malaysia ini ada atau tidak cadangan-cadangan untuk memperpanjangkannya kepada warganegara kita atau masyarakat-masyarakat kita yang di luar negeri terutamanya di kalangan penuntut-penuntut kita.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, belum ada cadangan.

TERNAKAN BIRI-BIRI

6. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kementerian bagi menggalak petani-petani menternak kambing dan biri-biri untuk eksport;
- (b) rancangan Kementerian untuk menembusi pasaran ke negara-negara Arab mengeksport ternakan ini; dan
- (c) galakan Kementerian kepada pihak swasta menternak biri-biri secara besar-besaran.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan

(a) Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang giat memberi galakan penternakan ruminan kecil, terutama biri-biri secara integrasi dengan perikebunan tanaman kekal seperti getah dan kelapa sawit di seluruh negara. Di antara yang diberi keutamaan adalah kawasan-kawasan di bawah pengawalan FELDA, RISDA, FELCRA dan juga rancangan-rancangan tanah Kerajaan. Usaha-usaha juga sedang ditumpu ke kawasan estet kepunyaan sektor swasta, yang mana ada di antaranya yang sudahpun memulakan penternakan secara besar-besaran.

Untuk memperkukuh dan memperluaskan lagi segala kegiatan yang terlibat, satu Lembaga Khas telah ditubuhkan khusus untuk menyelaras penyampaian khidmat nasihat dan perkhidmatan kesihatan ternakan, acara pembiakan dan pembekalan baka, kerja-kerja penyelidikan, latihan para penternak, dan seterusnya perumusan strategi serta pendekatan terhadap pengeluaran, kegiatan perhiliran dan pemasaran. Ahli-ahlinya adalah terdiri dari semua agensi Kerajaan dan wakil-wakil dari sektor swasta yang terlibat dan pengerusinya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan.

Bagi menjawab soalan (b), pada peringkat permulaannya, sasaran pengeluaran adalah untuk memenuhi keperluan daging biri-biri dalam negeri. Oleh kerana negara sememangnya berpotensi untuk mengeluarkan lebih dari yang diperlukan bagi penggunaan tempatan, maka pasaran eksport perlulah juga diterokai. Mengikut kajian awalan, negara-negara Arab Timur Tengah sedang mengimport berjuta-juta ekor biri-biri setahun, terutamanya di musim korban, Mereka itu juga nampaknya lebih berminat untuk mengimport dari negara-negara Islam, termasuklah Malaysia. Kajian potensi eksport ke negara Arab akan diadakan dan beberapa pelabur dari kawasan tersebut juga telah datang untuk membuat tinjauan.

Sesuai dengan keperluan-keperluan dalam dan luar negeri tersebut, adalah dijangkakan usaha ini akan dapat dilaksanakan sebaik sahaja negara mampu menghasilkan secukupnya. Di samping promosi memakan daging biri-biri keluaran tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan daging mengikut potongan terpilih (special cuts) di pasaran dalam negeri, terutamanya di bandar-bandar besar.

Bagi menjawab soalan (c), perlu juga dinyatakan bahawa tidak ada bantuan khas diberi kepada pihak swasta kecuali khidmat nasihat dan teknikal serta bantuan mendapatkan bekalan baka dari luar negeri.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan mengenai biri-biri, kerana apa yang kita faham masalah ternakan biri-biri ini adalah perkara baru di negara kita. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pertanian, negeri manakah dalam Malaysia yang banyak sekali telah berjaya menternak biri-biri secara meluas.

Kedua, biri-biri jenis apakah yang sesuai dipelihara di negara kita dan berapa banyak yang telah dipelihara dan telah dieksport ke luar negeri?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat memohon untuk saya memberi angka yang tepat berkaitan dengan negeri manakah yang banyak sekali mengeluarkan biri-biri itu, saya pohon supaya jawapan ini dihantar secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Kedua, berhubung dengan biri-biri manakah yang paling elok bagi kita memelihara di negara kita pada hari ini, maka sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa biri-biri jenis "Dorset Horn" ataupun biri-biri jernih kacukan commercial "Merino Poder Lester Cross", pelik sedikit namanya. Ini dua jenis biri-biri benar-benar yang sesuai bagi negara kita. Inilah caanya yang kita akan kendalikan supaya satu hari nanti menjelang tahun 1995, kita akan mencapai target satu juta ekor biri-biri dan pada masa itu dapatlah kita mengeksport ke luar negeri.

DOKTOR DI HOSPITAL-HOSPITAL NEGERI/DAERAH

7. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan tidakkah boleh pihak Kerajaan menambahkan perkhidmatan doktor-doktor di hospital-hospital negeri dan daerah untuk menampung kekurangan doktor, memandangkan pertambahan penduduk yang begitu mendadak sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [**Dato' K. Pathmanaban**): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menambahkan pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital di peringkat negeri dan di peringkat daerah dijalankan secara berterusan melalui permohonan untuk menambahkan lagi jawatan-jawatan Pegawai Perubatan dari masa ke semasa. Rancangan menambahkan Pegawai-pegawai Perubatan juga bergantung kepada bilangan siswazah lulusan perubatan yang terdapat di dalam negara pada sesuatu masa itu.

Pada masa ini dijadualkan seramai 450 orang siswazah perubatan keluar dari tiga buah universiti-universiti tempatan setiap tahun, sementara 100 lagi siswazah perubatan yang mendapat latihan dari luar negeri yang pulang ke tanah air setiap tahun. Angka ini dijangka akan naik sedikit dalam masa yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat, suka juga saya mengatakan bahawa pada tahun 1988 ini sebanyak 406 jawatan Pegawai Perubatan tambahan telahpun diwujudkan di Kementerian dan akan diagih-agihkan kepada negeri-negeri dan daerah-daerah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya Timbalan Menteri Kesihatan iaitu akibat daripada kekurangan doktor dan bertambahnya pesakit-pesakit datang meminta rawatan di hospital-hospital maka pertumbuhan hospital-hospital swasta juga mungkin pesat. Dari pandangan dan rungutan beberapa orang yang terlibat nampaknya banyak hospital-hospital swasta mengambil kesempatan dengan mengenakan bayaran yang tinggi dan setengah-setengah pesakit sudah meninggal tetapi bilnya berpuluh-puluh ribu ringgit. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu watchdog committee untuk memerhati gerak-gerak praktis yang diamalkan oleh hospital-hospital swasta ini supaya dapat dikawal.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan pada masa ini untuk mewujudkan satu jawatankuasa seperti yang dicadangkan itu. Tetapi saya dapat mengatakan bahawa jika hospital-hospital swasta dalam keadaan ekonomi pada masa ini berhasrat meningkatkan bayaran atau kos rawatan di hospital-hospital mereka, mereka akan menghadapi masalah besar untuk mengisi katil-katil di hospital mereka.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah diberitahu apakah ratio yang baik kepada doktor dan penduduk.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada keadaan negara, pendapatan masyarakat dan kaedah yang kita sendiri suka. Di negeri kita pada masa ini, nisbah doktor:penduduk adalah lebih kurang seorang doktor:2,800 penduduk. Dan matlamat kita

dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima dan mungkin tidak akan dicapai ialah seorang doktor: 2,300 penduduk.

Di negara seperti Singapura atau negara-negara yang kecil yang lain terdapat nisbah seorang doktor:700 penduduk. Ini satu keadaan yang kita mungkin tidak boleh capai dalam masa yang singkat.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan bahawa pakar-pakar perubatan dan penjenisannya di Kementerian Kesihatan ini tidak mencukupi. Saya juga diberitahu secara tidak rasmi bahawa ada sebuah universiti di Malaysia ini iaitu Universiti Kebangsaan lebih ramai pakar-pakarnya dari Kementerian Kesihatan. Apakah sebabnya berlaku sedemikian? Tidakkah boleh Kementerian Kesihatan berusaha supaya pakar-pakar ini sebahagian daripadanya di tolak ke Kementerian Kesihatan,

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak berapa faham soalan itu, Tuan Yang di-Pertua. Minta diulangi.

Tuan Mustata bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan kekurangan pakar-pakar perubatan dan penjenisannya. Ertinya sakit mata, kerongkong dan lain-lain, Tetapi di Universiti Kebangsaan lebih ramai pakar-pakar yang seperti ini. Tidakkah boleh sebuah Kementerian yang menjaga seluruh negara mengambil sebahagian daripada pakar-pakar ini untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan dihantar ke negeri-negeri yang masih terdapat banyak penyakit-penyakit dan kekurangan hospital-hospital swasta dan masih miskin.

Dato' K. Pathmanaban: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidaklah benar bahawa Universiti Kebangsaan atau universiti-universiti tempatan yang lain mempunyai pakar-pakar perubatan yang berlebihan - itu tidak benar. Tetapi memang terdapat ramai pakar-pakar di kalangan para pensyarah professional dan sebagainya. Ini adalah satu yang betul kerana di situ kita melatih doktor-doktor. Kita bukan sahaja di peringkat ijazah pertama, tetapi juga untuk ijazah lanjutan (post-graduate) dan sebagainya. Jadi, terdapatnya pakar-pakar yang ramai di universiti-universiti adalah baik untuk kita mengeluarkan lebih ramai doktor-doktor yang berkalibar, dalam masa-masa yang akan datang.

Yang kedua, memang doktor-doktor yang berkhidmat di universiti-universiti pada masa ini juga menjalankan perkhidmatan rawatan, nasihat, consultant dan sebagainya. Dan adalah dianggarkan bahawa masa seorang pensyarah di universiti adalah diberi 30% untuk khidmat rawatan dan 70% untuk mengajar, penyelidikan dan sebagainya dan tidak kehilangan yang 100%.

MALAYSIA - MENGENALKAN NEGARA

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri /Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah usaha-usaha dibuat bagi mengenalkan negara Malaysia di seluruh dunia;
- (b) kenapakah masih terdapat banyak negara di dunia yang masih tidak kenal akan negara Malaysia dan menganggap rakyat negara ini masih tinggal di atas pokok; dan
- (c) rakyat asing ditakut-takutkan dengan undang-undang dadah Malaysia ini boleh menjejaskan industri-industri pelancongan negara kita, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasinya

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua Kementerian Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa mengambil berbagai langkah untuk memperkenalkan negara Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

Untuk menjawab soalan:-

- (a) langkah-langkah tersebut termasuklah penyebaran maklumat melalui media cetak dan letronik dan juga melalui pertemuan-pertemuan semuka, ceramah, syarahan, seminar, simposium, majlis dialog dan sebagainya dengan pihak—pihak tertentu seperti pihak-pihak media massa, institusi-institusi pengajian, kumpulan-kumpulan sosial, kebudayaan dan belia dan lain-lainnya di kalangan berbagai pihak dan sektor di luar negeri. Ada kalanya usaha-usaha tersebut telah dapat dijayakan dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.
- (b) Kementerian Luar Negeri seterusnya berpendapat bahawa pada ketika ini Malaysia adalah dikenali oleh kebanyakan negara-negara dunia. Di samping hasil usaha-usaha memperkenalkan negara seperti yang telah disebutkan tadi, kedudukan ini telah juga dicapai hasil dari pelaksanaan dasar luar negeri Malaysia yang dinamik.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah meminkan peranan yang aktif dalam arena antarabangsa, Hal ini misalnya dapat kita

lihat dari penyertaan Malaysia yang aktif dalam bidang pelbagai pertubuhan baik serantau mahupun antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (Non-Aligned Movement), dengan izin, Commonwealth dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut, Malaysia telahpun melibatkan dirinya secara aktif dalam perbincangan-perbincangan yang telah diadakan mengenai berbagai-bagai isu seperti Kampuchea, Palestine, Afghanistan, Apartheid malahan adakalanya Malaysia juga telah memainkan peranan utamanya untuk membincangkan isu-isu tertentu seperti isu Antartika dan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dalam badan-badan tersebut.

Lebih jauh dari itu Malaysia juga memainkan peranannya yang utama untuk menengahkan isu pembanterasannya wabak dadah ke peringkat antarabangsa. Dalam hubungan ini sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum hasil dari daya utama Malaysia itu suatu persidangan antarabangsa mengenai dadah telahpun diadakan di Viena, Austria pada tahun yang sudah dalam mana Malaysia seterusnya telahpun dilantik sebagai Presiden kepada persidangan tersebut.

Kesan dari semua usaha seperti yang disebutkan tadi merupakan sumbangan yang sangat besar maknanya untuk memperkenalkan negara kita dan kewibawaannya kepada negara-negara lain dalam masyarakat antarabangsa. Lawatan-lawatan para pemimpin kita ke negara-negara asing dan lawatan-lawatan balas pemimpin-pemimpin negara-negara berkenaan ke negara kita juga mempunyai kesan yang sangat besar kepada usaha memperkenalkan negara kita kepada negara-negara lain.

Peringkat pengetahuan negara-negara lain dan masyarakat serta sektor-sektor masyarakat mereka terhadap Malaysia mungkin berbeza-beza. Kadangkala kerana sesuatu sebab di sesuatu ketika kekeliruan mungkin berlaku dalam proses pihak-pihak tertentu hendak mengenali sesebuah negara. Demikianlah maka beberapa tahun yang

lalu sebuah penerbitan di luar negeri pernah menyangkakan bahawa rakyat Malaysia negara kita tinggal di atas pokok. Bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa peka terhadap perkara-perkara seperti ini dan telah dan akan mengambil tindakan yang wajar untuk membetulkannya.

Saya ingin menekankan juga di sini bahawa kekeliruan seperti yang disebutkan tadi tidak menjejaskan hakikat bahawa negara kita sekarang dikenali oleh kebanyakan negara di dunia hasil dari usaha-usaha seperti yang telah saya sebutkan tadi.

- (c) Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan-perwakilan Malaysia telahpun menyampaikan maklumat dan penjelasan yang secukupnya kepada pihak-pihak yang tertentu di luar negeri mengenai Undaag-undang Dadah kita. Dari maklum balas yang telah diterima didapati bahawa masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya dapat memahami tujuan dan implikasi undang-undang tersebut. Malahan ada juga beberapa negara dan pemimpin-pemimpinnya secara rasmi mahupun tak rasmi telahpun menyatakan penghargaan mereka terhadap ketegasan negara kita untuk membasmi wabak dadah seperti yang dicerminkan oleh ketegasan Undang-undang Dadah kita itu. Kejayaan usaha negara kita membawa isu dadah untuk dibincangkan di peringkat antarabangsa di persidangan antara-

bangsa mengenai dadah di Viena dan perlantikan Perdana Menteri sebagai pengerusi seperti yang telah saya sebutkan tadi adalah juga petanda yang jelas tentang penghargaan masyarakat antara-bangsa terhadap usaha kita untuk membasmi wabak dadah termasuk ketegasan Undang-undang Dadah kita.

Memang diketahui bahawa terdapat segelintir kumpulan tertentu di luar negeri yang kerana sebab-sebab tertentu tidak menghargai ketegasan Undang-undang Dadah kita. Bagaimanapun dari maklum balas yang kita terima, Kementerian Luar Negeri berpuas hati bahawa pegangan dan perjuangan kumpulan ini tidak menjejaskan industri pelancongan negara kita. Ini terbukti dari kenyataan bahawa masih terdapat bilangan yang besar pelancong-pelancong dari luar negeri yang masih terus datang ke negara kita untuk melancong.

LESEN BOT

9. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) adakah benar lesen-lesen bot yang berat muatannya 70 tan ke atas, yang telah dikenakan kenaikannya mulai 1hb Januari, 1988 adalah terlalu tinggi. Berdasarkan faktor apakah kenaikan itu perlu dibuat;
- (ii) apakah asas-asas pengiraan kenaikan lesen bot yang tersebut dan adakah ianya berada di tahap yang maksimum atau minimum kalau dibandingkan dengan:

- (a) Lesen-Lesen bot di seluruh negara; dan
- (b) Lesen-lesen Pengangkutan yang ada di Malaysia ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua,

(i) Bagi menjawab bahagian (i) adalah memang benar kadar bayaran lesen parkakas menangkap ikan untuk bot bermuatan 70GRT dan ke atas telah dinaikkan mulai 1hb Januari, 1988. Kadar ini adalah tidak terlalu tinggi tetapi berpatutan. Faktor-faktor yang menyebabkan kadar ini dinaikkan adalah seperti berikut:-

- (a) Untuk memastikan hanya pengusaha-pengusaha yang benar-benar berkemampuan dan berminat sahaja yang akan memohon lesen, memandangkan bahawa perusahnan ini memerlukan modal pelaburan yang tinggi.
- (b) Perusahaan ini boleh menghasilkan keuntungan yang lumayan oleh kerana ia bukan hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan sahaja, tetapi juga aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan, dengan izin, downstream activities seperti pemasaran, pengangkutan ikan, pembungkusan ikan, mendirikan kilang air batu, bilik sejuk dan sebagainya. Ia juga akan mewujudkan peluang-peluang pelaburan.

(c) Melalui kadar bayaran baru ini, pemohon-pemohon akan menjadi lebih bertanggungjawab, dengan izin, committed. Dengan ini mereka yang kurang minat atau cuba mengambil kesempatan melalui perolehan lesen akan dengan sendirinya terhindar.

Setakat ini Kementerian tidak menghadapi masalah tentang permohonan lesen memandangkan bilangan permohonan yang diterima setakat ini adalah menggalakkan dan mereka dapat menjelaskan kadar bayaran baru tersebut.

(ii) Bagi menjawab bahagian (ii) dimaklumkan bahawa kadar bayaran baru bagi lesen perkakas menangkap ikan ini adalah berpatutan jika dibandingkan dengan pendapatan yang akan diperolehi oleh pengusaha bot dan juga jika dibandingkan dengan lesen-lesen bot dan lesen-lesen pengangkutan yang terdapat negara ini. Tambahan pula, kadar bayaran lama telah dikuatkuasakan sejak tahun 1967 (iaitu 21 tahun yang lalu) maka adalah wajar kadar bayaran baru ditetapkan mengikut keadaan semasa.

PROJER PUSAT PENYELIDIKAN SUMBER PERIKANAN LAUT

10. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah akan dilaksanakan projek Pusat Penyelidikan Sumber Perikanan Laut seperti:

- (a) di pelabuhan Perikanan Chendering, Kuala Terengganu; dan
- (b) Pembesaran Pusat Penetasan ikan laut di Tanjong Demong, Setiu, Terengganu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Pusat Penyelidikan Sumber Perikanan Laut di Chendering, Terengganu akan dilaksanakan tahun ini dan sekarang peringkat rekabentuk dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya; dan
- (b) Pembesaran Pusat Penetasan Ikan Laut di Tanjong Demong, Setiu, Terengganu fasa II juga akan dilaksanakan tahun ini dan sekarang di peringkat rekabentuk oleh Jabatan Parit dan Taliair.

PROGRAM KBSR - BANTUAN KEWANGAN

11. Tuan Foo Boon Liaog minta Menteri Pendidikan menyatakan adalah difahamkan bahawa bantuan kepada sekolah-sekolah rendah di bawah skim KBSR yang merupakan satu jumlah yang banyak akan ditamatkan pada tahun ini atau tahun depan. Di bawah fasa II skim KBSR ini, wang bantuan tidak akan dibayar kepada sekolah-sekolah lagi oleh yang demikian adakah pegawai-pegawai Kementerian membuat kajian bahawa dengan tamatnya wang bantuan ini, kejayaan skim KBSR akan terjejas.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah rendah di bawah program KBSR adalah sebagai peruntukan pelancaran pelaksanaan program tersebut. Tujuannya ialah untuk membantu sekolah-sekolah membeli alat-alat bantuan mengajar yang sesuai bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah.

Pemberian peruntukan pelancaran pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah untuk 305 buah sekolah pelaksanaan terhad dimulakan pada tahun 1981 dan tamat pada tahun 1986. Bagi sekolah-sekolah pelaksanaan penuh pula, bantuan bermula pada tahun 1982 dan berakhir

pada tahun 1987. Peruntukan pelancaran pelaksanaan ini ditamatkan oleh kerana pelaksanaan program KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) ini telah genap satu pusingan iaitu selama 6 tahun.

Kebimbangan bahasa kejayaan KBSR ini di sekolah-sekolah rendah di negara ini akan terjejas dengan tamatnya bantuan kewangan ini seharusnya tidak timbul kerana program ini akan dapat berjalan baik dengan peruntukan kewangan dan grant tahunan sekolah yang diberi oleh Kementerian Pendidikan kepada semua sekolah bantuan penuh Kerajaan. Jadi pihak sekolah bolehlah menggunakan wang grant tahunan ini untuk menambah dan mengemaskinikan alat-alat pengajaran dan pembelajaran yang telah diadakan dengan peruntukan pelaksanaan yang sedia ada dalam bilik darjah dan di pusat-pusat sumber pendidikan sekolah.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Unit Kurikulum dalam Jabatan-jabatan Pendidikan tidak ada jawatan penyelia matapelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil. Memandangkan kedua-dua matapelajaran ini adalah amat penting, adakah Kementerian berhasrat untuk mengisikan kedua-dua jawatan ini di semua Jabatan Pendidikan di tiap-tiap negeri?

Dr. Leo Michael Toyad: Soalan ini ada terkeluar sedikit dari soalan asal Tuan Yang di-Pertua, tetapi kemungkinan cadangan ini saya mungkin boleh memberi pertimbangan dan saya mohon memberi notis.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Koh Im Pin**.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12. Tuan Yang di-Pertua, saya minta betulkan nama tempat itu - sepatutnya "Sungai Kuala Linggi", bukan "Sungai Kuala Tinggi".

Timbalan Yang di-Pertua: "Sungai Kuala Linggi". Baiklah. Sila Yang Berhormat. Menteri.

JALANRAYA PORT DICKSON KE TELOK REMANG

12. Tuan Koh Im Pin minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah Menteri bercadang untuk membesarkan jalanraya yang menyambungkan By-Pass dari Port Dickson hingga ke- Telok Kemang memandangkan Port Dickson adalah salah satu tempat pelancongan yang utama di negara kita;
- (b) adakah Menteri bercadang untuk membina lebuh raya di antara Seremban, Port Dickson hingga ke Melaka; dan
- (c) adakah Menteri bercadang untuk membina sebuah jambatan di Sungai Kuala Linggi, Tanjung Agas kerana ini dapat menjimatkan masa dan perjalanan sebanyak 25 km bagi kemudahan para pelancong dari Melaka ke pantai Port Dickson.

Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan iaitu (a) dan (b) adalah berkaitan antara satu sama lain dan saya akan menjawab kedua-duanya sekaligus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai cadangan untuk membesar dan memperelokkan mengelok jalanraya Seremban-Port Dickson dan juga Port Dickson-Telok Kemang. Memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang, Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja tersebut. Walau bagaimanapun, oleh kerana jalan tersebut menghubungkan Part Dickson, iaitu pusat pelancong yang terkenal, Kerajaan beranggapan bahawa jalan itu

perlu dibina. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah membuat cadangan pada satu ketika dahulu bagi menswastakan jalanraya tersebut. Beberapa pengusaha telah memasuki tawaran penswastaan itu, tetapi pengusaha-pengusaha itu tidak mengikut kehendak dan syarat-syarat tawaran yang ditentukan. Oleh itu, Kerajaan menolak semua tawaran tersebut. Pengusaha-pengusaha itu tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerana projek tersebut didapati kurang berdaya maju, iaitu tidak 'viable', dengan-izin. Walau bagaimanapun, di masa-masa akan datang apabila ekonomi negara bertambah baik, Kerajaan akan berusaha mendapatkan peruntukan bagi kerja-kerja membesar dan memperelokkan jalanraya tersebut,

Bagi menjawab soalan (c), Kerajaan memang ada cadangan untuk membina jambatan di Sungai Kuala Linggi, tetapi oleh kerana kosnya sangat besar dan aliran trafiknya masih kurang, tambahan pula keadaan ekonomi sekarang tidak mengizinkan, maka Kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek itu.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mencadangkan supaya jalanraya antara Seremban dan Port Dickson serta Melaka diperbesarkan. Ini adalah kerana Port Dickson mempunyai dua yang penapis minyak dan tanker-tanker yang mengangkut minyak selalu mengganggu perjalanan pengguna jalanraya yang lain. Ini adalah mustahak kerana jalanraya ini digunakan oleh kebanyakan pelancong untuk pergi berkelah di Port Dickson.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kata-kata itu bukan bermakna mengadakan viability untuk menjalankan projek. Jikalau kita membesarkan

jalan ini, iaitu dari Seremban ke Port Dickson, viability yang kita menimbang traffic viability berkenaan dengan bilangan kereta atau kenderaan yang akan menggunakan jalan itu. Yang ketiga, jikalau kita menswastakan jalanraya itu adakah penduduk-penduduk suka hati? Juga Ahli Parlimen di Telok Kemang pun akan tidak suka jikalau saya menswastakan ini, walaupun dia dari parti saya sendiri. [Ketawa] Untuk menyenangkan hatiaya dan juga untuk memperbaiki keadaan jalan saya akan tunggu sehingga satu masa yang mana saya boleh dapat peruntukan daripada Kerajaan dan selepas itu saya akan memperbaiki jalan itu tidak berapa lama lagi. [Ketawa].

Datuk Haji Nazir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah soalan (c) ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi telahpun ada cadangan untuk membuat jambatan di Sungai Kuala Linggi, tetapi belum dapat dilaksanakan kerana kosnya agak besar. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat telah mengetahui kosnya dan cuma saya hendak dapat tahu sahaja kos untuk membina Jambatan Sungai Kuala Linggi itu berapa juta ringgit peruntukannya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberitahu anggaran atau kos itu pada masa sekaraag oleh kerana saya tidak mempunyai angka itu. Walau bagaimanapun, jikalau Yang Berhormat suka mendapat keterangan atas projek itu, saya boleh beritahu esok.

ELEKTRONIK - PENGELUARAN BARANG-BARANG

13. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih minta Menteri Buruh menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa pengeluaran barang-barang elektronik (semiconductor) di Malaysia, merupakan yang ketiga di pasaran dunia kebelakangan ini, akan tetapi para pekerja yang terlibat dengan pengeluaran ini tidak mendapat faedah yang setimpal dengan hasil-hasil pemasaran yang lebih menguntungkan pihak pengusaha (pelabur-pelabur) luar negeri, Jika sedar, apakah-langkah-langkah Kementerian untuk mengimbangi keadaan ini.

Menteri Buruh [**Tuan Leo Kim Sai**]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa para pekerja yang terlibat: dengan pengeluaran barang-barang elektronik tidak mendapat faedah yang setimpal dengan hasil-hasil pemasaran adalah tidak tepat. Daripada tinjauan-tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh, didapati purata gaji bulanan pekerja-pekerja di kilang elektronik terus meningkat. Sebagai contoh, gaji purata bulanan beberapa jenis pekerjaan di sektor kecil ini adalah seperti berikut:

	1980	1983	1985
(a) Mekanik Penyelenggaraan Loji	\$ 536.00	\$ 829.00	\$ 884.00
(b) Pekerja Pengeluaran	\$ 194.00	\$ 282.00	\$ 369.00
(c) Jurutera Kecekapan Industri	\$1883.00	\$2090.00	\$2420.00
(d) Buruh Am	\$ 241.00	\$ 458.00	\$ 480.00

Jika dibandingkan dengan perusahaan-perusahaan lain pekerja-pekerja dalam perusahaan elektronik kini dibayar upah yang lebih memuaskan. Dalam banyak keadaan mereka juga menikmati pelbagai faedah yang melebihi peruntukan undang-undang.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya feadah ini selain daripada gaji Akhir-akhir dalam kajian kita dapati mereka khususnya production operators ini yang memakai stereoscope itu matanya sudahpun rabun kerana terlalu sangat melihatnya. Adakalanya, setengah mereka itu dapat diperiksa oleh doktor dan diberi rawatan dan jika didapati kerosakan mata, ada kilang yang memberi faedah insurans. Tetapi malangnya, setengah pekerja itu tidak dapat sebarang faedah dan apakala kita buat rayuan kepada pihak Kemeriterian khususnya Kementerian Buruh mereka kata hendak melawat, hendak menasihatkan pihak tuan punya kilang itu.

Ada kemungkinan faedah yang disebutkan itu adalah faedah dari segi gaji fedah-faedah seperti kesihatan mereka, Jika matanya rosak dan, sebagainya dan tidak ada faedah insurans ini akan membawa satu gejala yang tak baik dan akan menakut-nakutkan mereka yang bekerja di kilang, pada hal penanam modal ini mendapat untung yang besar dan boleh dikatakan faedah yang dia dapat adalah lebih banyak berbanding dengan faedah pekerja-pekerja Jadi saya minta kalau boleh Menteri yang berkenaan memberi sedikit penjelasan apakah perlindungan lain ataupun faedah-faedah lain yang pekerja ii boleh dapat khususnya pekerja-pekerja kilang semiconductor macam saya kata tadi

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja-pekerja yang bekerja di ataupun perusahaan elektronik seperti pekerja-pekerja di industri lain selain daripada gaji, kemudahan-kemudahan lain juga diberi untuk pekerja-pekerja yang berkenaan. Selain daripada itu, kalau seseorang pekerja ditimpa sesuatu penyakit ataupun jika rosaknya organ badan atau mana-mana bahagian daripada badan, dia boleh minta gantirugi di bawah skim SOCSO ataupun insurans dan kemudahah-kemudahan yang saya sebutkan tadi adalah termasuk kemudahhan sosial dan rekreasi.

SYARIKAT TELEKOM MUAR - PERTANYAAN PELANGGAN

14. Tuan Lau Keog Siong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab pihak berkuasa Syarikat Telekom Malaysia Berhad, khususnya Cawangan Muar sentiasa enggan menjawab surat pertanyaan daripada pengguna walaupun telah diarahkan oleh pihak kuasa tertinggi daripada Kementerian berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [**Tuan Ong Tin Kim**]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Syarikat Telekom enggan menjawab pertanyaan pelanggan-pelanggan kerana sikap ini adalah bertentangan dengan etika dan objektif syarikat itu yang mengutamakan layanan sebaik-baiknya kepada semua pelanggan. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa ada setengah-setengah pertanyaan yang dikemukakan oleh pengguna-pengguna melibatkan masalah-masalah teknikal yang perlu diselidiki dengan teliti sebelum diberi jawapan. Keadaan ini telah memakan masa dan ini menyebabkan kadang-kadang adanya kelewatan dalam jawapan surat-surat yang diterima oleh STM.

Tuan Lau Keog Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju jawapan [**Ketawa**] daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi semuanya saya ada bukti, termasuk saya sendiri. Dari tahun 1986 di MCA, Bahagian Muar, saya sudah hantar beberapa kali surat kepada Syarikat Telekom Muar, tetapi tidak dijawab. Melainkan baru-baru ini ada juga pengguna-pengguna yang menulis surat kepada Syarikat Telekom ini pada bulan Januari, 1977 menyatakan bil-bil yang mereka terima makin lama makin bertambah, tetapi mengambil masa sampai setengah tahun. Satu tahun tidak dijawab. Jadi, mereka buat surat melalui saya kepada Kementerian Telekom dan dalam masa Lima hari menjawab balik kepada saya.

Saya tidak salahkan Kementerian Telekom dan Pos, memang Telekom baik, dia jawab surat cepat, tetapi saya salahkan Syarikat Telekom. Mengapa Syarikat Telekom tidak mahu menjawab surat pengguna-pengguna. Apa sebab. Saya suka bertanya juga, kalau seorang pengguna menulis surat aduan kepada Syarikat yang berkenaan berapa lama mengambil masa? Kerajaan sudah perintah tiap-tiap surat rakyat kepada Jabatan, sekurang-kurangnya dalam masa 2 minggu mesti jawab. Takkan sampai satu dua tahun. Jadi, bukti semua ada. Saya tidak boleh cakap bohong. Ini Dewan yang mulia. Saya sebagai Ahli Yang Berhormat bawa perkara ni tidak boleh tipu-tipu, kalau mahu siasat, siasat betul-betul, boleh pergi ke Syarikat Telekom Muar, siasat, ini Syarikat Telekom, Muar kalau orang sebut saya pun goyaag kepala [Ketawa]. Jadi, ini kewajipan saya juga, jangan ditolak-tolakkan. Saya tidak salahkan Kementerian Telekom. Saya salahkan Syarikat Telekom. Bila kita sudah swastakan sangat buruk; belum swastakan memang baik [Ketawa]. Jadi, kepada rakyat jelata kita hendak ingat, jangan susahkan orangramai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang terhormat Menteri menjawab.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan

pacific case yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat itu, jikalau Yang Berhormat itu boleh kemukakan kepada saya, saya akan meneliti dan menyiasat perkara ini dengan teliti, terutama sekali aduan berkenaan dengan tidak menjawab surat selama satu tahun atau 2 tahun, Ini memang bukan polisi atau etika Syarikat Telekom atau kementerian saya. Saya boleh memberi jaminan bahawa jikalau perkara ini diulangi sekali lagi, Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahll-ahli Yang Berhormat, masa untuk menjawab Soalan Mulut sudah cukup,

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab MuLut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 66 adalah

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA Y.A.B. TOH PUAN LIM CHENG NEOW DAN
KELUARGANYA ATAS KEMATIAN Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN

3.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Tuan Kasitah bta Gaddam**]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia **Toh Puan Lim Cheng Neow** dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara terkejut menerima berita kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin pada hari Khamis, 17hb Mac 1988. Sesungguhnya kematian beliau adalah satu kehilangan besar kepada negara, khususnya kepada rakyat keturunan China.

Mendiang Tun Tan telah banyak memberi sumbangan tenaga dan buah fikiran di dalam membangunkan negara sama ada di dalam sektor awam mahupun swasta.

Di dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli politik yang berpandangaa jauh, asas-asas perpaduan menjadi salah satu perjuangannya bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum.

Kepimpinan beliau amat ketara apabila beliau memegang jawatan Presiden MCA yang paling lama. Kepimpiaan beliau juga yang ikhlas, bukan sahaja memperjuangkan nasib rakyat bangsanya, tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Sebagai anggota Jemaah Menteri, beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Kewangan selama 15 tahun dan telah berjaya membina asas yang kukuh ekonomi negara dan melaksanakan tugas-tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Kebolehan beliau mentadbir dan mengendalikan kewangan negara sukar ditandingi. Dalam tempoh beliau menjadi Menteri Kewangan itu, kedudukan kewangan negara amat membanggakan. Mendiang telah mengenyepikan kepentingan diri dalam menjalankan tugas-tugasnya dan telah berjaya mewujudkan a higher standard of financial accountability atau satu kepertanggungjawabkan kewangan yang tinggi.

Sifat-sifat kepimpinan beliau yang jujur, ikhlas dan memahami aspirasi rakyat bukan sahaja mendapat; sanjungan daripada rakyat Malaysia tetapi juga mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Atas jasa-jasa yang tidak bernilai Itu mendiang dianugerahkan berbagai Darjah Kebesaran Negara dan di antarabangsa. Walaupun semenjak tahun 1974, mendiang Tun Tan Siew Sin tidak berada di dalam Kerajaan dan tidak aktif dalam politik, beliau terus memberikan sumbangan dan buah fikirannya kepada pembangunan dan kemajuan negara.

teladan kepada masyarakat Malaysia. Sesungguhnya pemergian mendiang Tun Tan Siew Sin amat dirasakan oleh semua rakyat yang cintakan kehormonian di dalam negara ini.

isteri dan anggota-anggota keluarganya. Mereka kehilangan seorang Ketua Keluarga yang dikasihi. Negara pula kehilangan seorang pemimpin agung yang susah ditandingi. Saya berharap kepada isteri dan anggota keluarganya supaya tabah hati serta bersabar di dalam menghadapi peristiwa yang sedih itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dato' Nasir menyokong.

3.40 ptg.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak UMNO Baru Malaysia menyokong dengan sepenuh-penuhnya Ucapan Takziah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri sebenar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar dan mengetahui dengan sesungguhnya bahawa mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang negarawan yang terkenal di negara kita ini sama ada di dalam bidang ekonomi dan politik negara. Kita memang mengetahui dalam masa hayatnya mendiang Tun telah hanyak menceburkan diri dalam bidang politik parti-MCA dan telah memegang jawatan yang tertinggi di dalam parti tersebut iaitu Presiden MCA.. Juga telah memegang beberapa jawatan yang penting di dalam negara kita ini, termasuk telah menjawat jawatan Menteri Kewangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak UMNO Malaysia khususnya dan penduduk-penduduk di negara kita ini umumnya, kita telah kehilangan seorang negarawan yang telah banyak membuat jasa kepada bangsa dan negara yang menjadi kenangan kepada kita selama-lamanya.

Sekianlah ucapan saya bagi pihak UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Adakah di antara Ahli-ahli yang lain ingin hendak berucap? Dipersilakan Tuan Krishnan.

3.41 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak diri saya sendiri dan parti MIC di Dewan ini menyokong Usul Ucapan Takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya di atas pemergian Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin.

Mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang daripada negarawan yang amat cemerlang, seorang watan Malaysia yang ulung. Kehilangannya adalah satu kehilanghan kepada keluarganya dan juga kepada negara kita. Tun Tan bukanlah sebarang pemimpin Malaysia, beliau adalah salah seorang daripada golongan yang dapat disifatkan sebagai "founding fathers", dengari izin, negara Malaysia; salah seorang pengasas negara kita. Beliau telah menyertai segala perjuangan pada masa kita merdeka dan selepas itu bersama-sama dengan tokoh-tokoh negara seperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Petra, Allahyarham Tun Abdul Razak, mendiang Tun V.T. Sambanthan, Allahyarham Tun Dr. Ismail dan lain-lain.

Pemikiran beliau, pendirian liberal dan luas beliau dan pegangan kepada semangat bekerja dan berusaha kuat demi negara dan masyarakat telah bersama-sama tokoh-tokoh awal kita itu rneletakkan satu asas yang menarik dan kukuh bagi negara kita. Asas itu dari sumbangan generasi pengasas kita telah dapat memberi satu tempat yang menggembirakan kepada semua keturunan dan semua lapisan masyarakat di tanahair kita yang dikasihi ini. Kita semua adalah

yang bernasib baik kepada pemikiran, pegangan dan perjuangan tokoh-tokoh pengasas ini.

Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin telah mencatat rekod sebagai Menteri Kewangan yang menjawat sangat lama di kalangan negara-negara Komanwel. Tempoh masa beliau menjadi Menteri Kewangan kita telahpun menjadi satu masa keemasan dalam sejarah ekonomi kita. Adalah disebut-sebutkan di kalangan para Menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai Kerajaan bahawa mendiang Tun Tan telah menjaga khazanah negara kita macam wangnya sendiri dan tidak membenarkan apa-apa pembaziran sumber kewangan negara. Jadi, sumbangan Yang

Amat Berbahagia Tun Tan kepada masyarakat dan negara adalah satu yang cemerlang dan segalanya untuk kepentingan negara dan rakyat. Jasa-jasa beliau tidak akan dilupakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua : Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoon dipersilakan.

3.45 ptg.

Dato Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi pihak saya sendiri dan juga MCA, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu semenjak mendiang Tun Tan dipilih sebagai Presiden MCA, saya adalah salah seorang ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MCA pada masa itu. Sepanjang yang saya ketahui, mendiang Tun Tan adalah seorang yang terlampau lurus sehingga sentiasa menimbulkan salah faham atau sakit hati oleh kaum Tionghua. Kepada beliau, dengan izin, "no is no" - tidak boleh berganjak lagi; dan "yes is yes" - sampai matipun begitu. Bermakna beliau boleh dikatakan terlampau lurus sehingga menjadi amat 'undiplomatic', dengan izin.

Pendirian dan fikiiran mendiang Tun Tan tidak berasas kepada mana-mana satu kaum tetapi hanya dari segi Malaysian sahaja. Mendiang boleh dianggapkan sebagai seorang anak Malaysia yang sejati atau salah seorang anak negarawan yang terulung. Kadangkala ada orang kaum Tionghua memikirkan beliau telah lupakan keturunannya sendiri. Apa yang saya tekankan di sini ialah tidak ada seorang, mahupun kaum Melayu boleh soal atau syak tentang pendirian dan kesetiaan beliau terhadap negara Malaysia. Mendiang Tun Tan waktu sebagai Presiden MCA, kerap kali bertikam lidah dengan saya sendiri

dalam mesyuaratnya, tetapi selepas itu beliau adalah seorang 'gentleman', dengan i.zin, rnasih sufatkan saya sehagai kawan baiknya lagi. Inilah character, dengan izin, mendiang Tun Tan yang dihormati oleh semua kawan dan lawan. Mendiang Tan Tan adalah datangnya dari keluarga yang kaya tetapi sanggup mengeneipkan kehidupan yang selesa dan senang untuk menjadi hamba rakyat. Saya bagi pihak MCA memberi setinggi-tinggi penghormatan dalam Dewan yang mulia ini kepada mendiang Tun Tan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu bidalan kaum Tionghua yang mengatakan: "Apabila harimau mati. dia tinggalkan kulit, tetapi apabila manusia meninggal dunia, mereka tinggalkan namanya". Ini bermakna kulit harimau ada harga, dihargai oleh kebanyakan orang-orang kaya, manakala manusia hendaklah meninggalkan nama yang harum apabila meninggal dunia inilah yang saya menyamakan kepada mendiang Tun Tan.

Oleh yang demikian saya harap supaya Kerajaan kita akan memberi satu kehormatan mengadakan satu tanda ingatan yang sesuai bagi mengingati jasa-jasa serta budi-budi mendiang Tun Tan Siew Sin itu dan dengan ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang telah melafazkan di dalam Dewan yang mulia ini menyampaikan perasaan sedih kita semua kepada Toh Puan Lim Cheng Neow. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua : Yang Berhormat **Tuan Tiong Hiew King**,
silakan.

3.51 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, kematian Tun Tan Siew Sin ialah satu kehilangan yang besar kepada negara kita. Kita ingin menyampaikan perasaan takziah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Kita sebagai rakyat Malaysia terhutang budi Kepada beliau, beliau adalah salah seorang pemimpin yang bertanggungjawab bagi mendapatkan kemerdekaan daripada British dan juga salah seorang pemimpin yang telah membawa Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai kemerdekaan di dalam Malaysia.

Selepas kemerdekaan beliau telah memimpin MCA untuk menyertai Perikatan untuk menjadikan Kerajaan bersama-sama Perdana Menteri yang pertama. Kemudiannya beliau juga memimpia MCA untuk bersama-sama Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Bagi pihak diri saya dari Barisan Nasional Sarawak tidak ada perkataan yang dapat menggambarkan ketokohan beliau sebagai seorang

pemimpin. Begitu juga tidak cukup perkataan yang dapat menggambarkan jasa-jasa beliau yang telah beliau curahkan kepada rakyat Malaysia. Beliau adalah pemimpin rakyat Malaysia yang sejati.

Timbalan Yang di-Pertua ; Yang berhormat **Tuan Chan Choong Tak**.

3.54 ptg.

Tuan Chao Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak saya sendiri dan juga kawan saya dari Parti Gerakan juga bangun untuk menyokong Usul Ucapan Takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya di atas kematian mendiang Tun Tan Siew Sin.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang warganegara Malaysia yang tulen. Sungguh pun ia adalah seorang Presiden parti politik orang Cina, tetapi apa yang dibuat atau difikirkan tidaklah berdasarkan sesuatu kaum atau agama. Sumbangan dan jasa beliau kepada negara kita sebagai seorang pemimpin dan juga sebagai Menteri Kewangan yang kedua negara kita ini adalah terlalu tinggi untuk dinilai.

Kebolehan, kecekapan dan ketahanan beliau yang mendalam mengenai hal-hal ekonomi dan perniagaan adalah sifat-sifat beliau yang patut dicontohi oleh kita semua di Malaysia. Maka di sini sekali lagi bagi pihak Parti Gerakan, saya juga mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan anggota-anggota keluarganya.

Timbalan Yang di-Pertua : Ada lagi di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa satu Usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Kasitah bin Gaddam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac, 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac, 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

perintahkan Usul ini dihantar kepada balu Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah lulusnya Usul ini maka saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta hadirin sekalian sila bangun dan berdiri bertafakkur selama satu minit untuk mengingati mendiang Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin.

[Majlis bertafakkur selama satu minit]

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suara Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli. Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuaa Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbaayak-banyak syukur dari menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh."
(28hb Mac, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, sewaktu Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan sedang menyampaikan ucapannya dan sekarang saya jemput beliau untuk menyambung ucapan beliau. Dipersilakan.

3.59 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya daripada semalam. Dengan itu keadaan bangunan dan kelengkapan sekolah-sekolah Tamil telahpun merosak menjadi buruk dan menjadi satu "eye sore," dengan Izin, melainkan menjejaskan pendidikan anak-anak di bangku sekolah-sekolah ini.

Kadangkala sekolah-sekolah tidak mencukupi wang untuk memasang air paip kepada sekolah-sekolah ini ataupun mengadakan kemudahan tandas yang sempurna. Saya dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah Tamil di-sifatkan sebagai sekolah bantuan modal kerana tapak tanah sekolah Tamil itu adalah dipunyai oleh estak-estak ataupun pihak swasta dan bukan hakmilik Kerajaan.

Saya menyeru kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan untuk segera menyemak semula tafsiran bantuan modal ini memandangkan kepada realiti masyarakat yang perlu menyokong sekolah-sekolah ini. Mereka tidak mampu membelanjakan beribu-ribu ringgit bagi sekolah yang selesa bagi anak-anak mereka.

Saya meminta bahawa Kementerian mengkhaskan wang yang cukup bagi segala perbelanjaan di sekolah-sekolah Tamil. Jika perlu, Kerajaan mengambilalih tapak-tapak tanah sekolah ini untuk membolehkan bantuan penuh seperti itu diberikan. Saya meminta bahawa proses mengambilalih tapak-tapak itu dimulakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Petua, satu Jawapan Bertulis dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 28hb Mac, menjawab kepada soalan saya menyatakan bahawa dari jumlah wang sebanyak 5209 juta yang dikhaskan oleh Kementerian Pendidikan bagi tahun 1988 untuk membina dan memperbaiki 7,700 bilik darjah yang baru hanya \$1,161,000 sahaja iaitu kurang daripada 1% dikhaskan untuk sekolah-sekolah Tamil.

Jawapan ini menjelaskan bahawa peruntukan yang dihentikan adalah tertakluk kepada keperluan dan bukan di atas jenis sekolah. Jika ini benar, sudah tentu sekolah—sekolah Tamil memerlukan lebih banyak wang, bukan kurang daripada 1% dari jumlah yang diperuntukkan itu

Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan untuk menambahkan kepada peruntukan ini.. Hanya tindakan seperti ini akan dapat menyelesaikan masalah besar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, skim perumahan pekerja estet adalah buah fikiran Allahyarham Tun Abdul Razak. Skim ini dimulakan pada tahun di Ladang Tanaman, di Ladang Teluk Merbau, di Ladang Gland-lary, Selangor Darul-Ehsan dan Ladang Batu Perkaka, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, selama 14 tahun baru sebanyak skim sahaja yang dilaksanakan. Bilangan estet di Malaysia adalah melebihi 600 tetapi sehingga , sekarang pencapaian dalam skim perumahan tidak memuaskan. Para majikan sedia menawarkan tapak perumahan tetapi oleh kerana sistem red-tape skim ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Para pakerja adalah golongan pengundi-pengundi dan mereka memilih Kerajaan kita, kenapakah mereka dianaktirikan? Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan hendaklah bertindak dengan segera untuk memenuhi keperluan perumahan sebelum mereka terus hilang kepercayaan kepada Kerajaan kita, Apabila kami pemimpin kaum menceritakan skim perumahan di kalangan pekerja, kami diejek-ejak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik disediakan oleh Kerajaan dan Kerajaan hendaklah meminta paca majikan untuk memperuntukkan tanah yang berkenaan untuk skim perumahan itu.

Dengan cara itu para pekerja diberikan satu peluang untuk mendirikan rumah sendiri dalam lingkungan kemampuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, punca pendapatan negara terletak di tangan rakyat, khususnya para pekerja, para petani dan nelayan. Menurut fikiran saya, kesihatan golongan ini adalah mustahak untuk menentukan pengeluaran yang bermutu. Jika kesihatan mereka tidak diawasi dan tidak diperbaiki kita sendiri merosakkan daya pengeluaran mereka. Jadi pada masa sekarang suasana hospital-hospital di estet tidak memuaskan dan keadaannya paling merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencontohkan di sini bahawa kadangkala para pesakit tidak dapat dirawat di hospital estet dan mereka perlu dikejarkan ke hospital Kerajaan. Malangnya, ada yang hilang nyawa di tengah jalan. Seperti klinik-klinik desa, Kerajaan hendaklah mengambilalih pentabiran dan pengurusan hospital-hospital di estet.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini tidak mungkin, Kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah badan atau Lembaga untuk mengendalikan perkhidmatan perubatan di ladang-ladang.

Bekalan letrik dan air di ladang-ladang adalah satu keperluan asas. Ini adalah kewajipan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti ini. Sejak negara kita mencapai kemerdekaan 30 tahun dahulu, ada ladang-ladang tidak dapat menikmati bekalan air yang bersih dan sihat. Demikian juga masih ada pekerja-pekerja hidup dalam suasana gelap tanpa bekalan letrik. Mesej Kerajaan tidak dapat disampaikan kepada para pekerja dengan cara yang cukup.

Para majikan telah memberikan alasan bahawa mereka tidak mampu untuk menyediakan kemudahan ini kerana belanja atau kos yang lebih

tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan sendiri patut membekalkan elektrik dan air kepada para pekerja estet. Saya mencadangkan Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya mengkaji kemungkinan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas ini kepada para pekerja estet dengau menswastakan seperti Antah-Biwater.

dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-pertua, saya menyokong usul mengucapkan Junjung Kasih Kehawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di ,atas Titah Ucapan Diraja. Sekian-lah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Chau Choon Tak.**

Tuan Chan Choon Tak :Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Usul untuk Menjunjung Kasih di. atas Titah yang dibuat oleh Baginda semasa pembukaan Parliinen pada 7hb Mac, 1988.

Tuan Yang di-Pertua memang merupakan masa yang tepat lagi sesuai bagi Baginda untuk mengingatkan kita semua tentang kepentingan perpaduan dalam negara kita yang mengandungi berbilang kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia yang tulen yang taat setia sepatutnya merasa dukacita dan hampa sekali atas peristiwa yang berlaku pada beberapa bulan yang lalu yang telah hampir menjahanamkan negara kita sekali lagi ke dalam situasi huru-hara serCa perbalahan kaum tanpa memberi pertimbangan atas akta yang kita telah hidup dan bekerjasama sebagai. sebuah negara merdeka lebih dari 30 tahun serta tidak sama sekali ingin kepada pengalaman yang pahit yang kita lalui lebih kurang 20 tahun yang lalu.

Kita sepatutnya menyambut seruan Baginda secara positif, insaf dari peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan dan berusaha bersama-sama untuk menuju ke sebuah negara yang makmur, kuat lagi bersatu padu di mana rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat hidup dengan gembira dan bahagia, menjadi sebuah negara tauladan yang akan dicontohi oleh negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah menunjukkan kepada kita adalah mustahil untuk mencapai peringkat: ini hanya dengan kata-kata kosong tanpa menjalankan langkah wajar. Kerajaan kita tidak boleh hanya bercakap kepada rakyat untuk bersatupadu pada halnya ia tidak mengambil langkah untuk berbuat demikian. Pada masa yang sama, rakyat sepatutnya jangan hanya menaruh kepada Kerajaan sahaja yang berusaha untuk ke arah penyatupaduan. Mereka sepatutnya berhenti dari mengasingkan diri kepada kumpulan agama atau kaum tertentu; di mana tiap-tiap kumpulan mencari perbezaan yang wujud untuk mengasingkan dari satu dengan yang lain dari menitikberatkan kepentingan kebiasaan yang boleh menyatukan semua komuniti kepada satu negara yang bersatupadu.

Saya sekali lagi ingin meminta kepada Kerajaan supaya mengambil sebarang tindakan yang boleh untuk mencegah pembentukan persatuan atau parti politik yang berdasarkan kaum atau agama. Pada masa yang sama biar saya di sini merayu kepada pemimpin-pemimpin politik untuk menyingkirkan perjuangan knasa yang berdasar perkauman atau keagamaan dalam negara. Sejauh yang parti perkauman wujud, unsur perkauman akan tetap wujud untuk mengganggu kestabilan negara. Tiap kali satu parti perkauman mengadakan pemilihan di peringkat sama ada dalam parti sendiri atau pilihanraya umum, unsur perkauman yang kita benci itu akan muncul dalam fikiran mereka, Kita sepatutnya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaan Kerajaan mengurangkan unsur perkauman dalam bidang sukan dan permainan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan sudah tentu memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi muda. Sekiranya kita ingin

akan kita membesar dengau kesetiaan terbenam dalam sanubari serta menjadi seorang rakyat Malaysia yang bersatupadu, kita mesti memastikan yang sistem pendidikan kita mestilah yang menggalakkan anak kita taat setia kepada tanahair kita tanpa mempunyai diskriminasi yang berdasarkan kaum atau agama. Kanak-kanak mestilah jangan hanya dididik secara ajaran sahaja, tetapi contoh-contoh yang nyata mesti ditunjukkan supaya kesetiaan mereka akan kukuh dalam sanubari mereka sehingga mereka rela berkorban untuk negara kita. mesti pertama kali jangan dilayan secara tidak adil, jikalau tidak,

seluruh sistem pendidikan akan mengalami masalah. Saya telah difahamkan yang setelah kenaikan pangkat yang dijalankan baru-baru ini atas guru-guru kelulusan universiti, ramai di. antaranya berasa dukacita sebab mereka telah dikecewakan. Ini adalah kerana ramai yang dikatakan, dengan izin, senior, yang mempunyai kelulusan yang baik, yang bertanggungjawab serta berpengalaman dalam menjalankan pentadbiran sekolah telah tidak dinaikkan pangkat sementara yang lain yang dikatakan junior,, dengan izin, yang kurang berpengalaman serta yang lebih rendah kelulusan, telah dinaikkan pangkat. Dalam satu sekolah utama atau, dengan izin, premier school di Seremban misalnya, Guru Besar yang tersebut telah dianugerahkan gelaran "Tok Guru" yang memang padan sekali. Tetapi tiada seorang guru dalam sekolah ini yang sudah pasti banyak memberi sumbangan ke atas kejayaan Guru Besar yang tersebut, dinaikkan pangkat walaupun setengah- setengah mereka adalah sangat berpengalaman dan bertanggungjawab sekali dalam tugas mereka. Terdapat juga aduan yang dibuat atas sebab terdapat beberapa guru yang kenaikan pangkat dua kali dalam tempoh masa beberapa bulan walaupun dasar atau polisi

adalah bertentangan atas hal ini. Adalah diharapkan yang Mentetri akan memberi perhatian atas perkara ini dan membetulkan sekiranya diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, atas sebab kekurangan tempat di universiti dalam negara ini, ramai pelajar-pelajar Malaysia telah melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat menengah atau universiti ke luar negeri yang telah mengakibatkan kerugian besar atas pertukaran asing kita. Kerajaan kita mestilah mengambil langkah positif untuk mencari haluan ini sama ada dengan menambahkan bilangan kolej Kerajaan atau tempat di universiti atau menggalakkan penubuhan kolej swasta atau membenarkan universiti persendirian didirikan dalam negara kita.

betul dalam mendorong tabiat membaca di kalangan kanak-kanak kita. Ibubapa patutlah bekerjasama penuh untuk memastikan kejayaan kempen ini demi kebaikan anak-anak kita khususnya dan negara kita amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima banyak aduan daripada pembeli rumah dan pemaju perumahan atas, dengan izin, 'delaye' atau penangguhan memproses permohonan dan membayar balik pinjaman yang telah diluluskan atau pembayaran wang oleh Jabatan Pinjaman Perumahan. Adalah dipercayai yang jabatan ini telah diselubungi oleh, dengan izin, red-tape. Baru-baru ini dalam usaha membantu seorang guru untuk mendapatkan pembayaran balik pinjaman yang diluluskan kepada pembeli rumah beliau, saya telah mengalami pengalaman yang dukacita lagi kecewa semasa saya dalam usaha menghubungi pegawai-pegawai tersebut di atas.

Dalam proses ini, saya telah bercakap dengan tidak kurang melalui teleton dari 10 orang dalam jabatan ini. Dan tidak kurang daripada masa dua tiga minggu dalam tiap-tiap hari. Pegawai yang saya bercakap dengan dia itu adalah berbudi bahasa dan bermurah hati, orang yang baik, tetapi oleh kerana tiap-tiap mereka adalah bertugas dalam satu aspek yang kecil, guru malang yang memerlukan wang dengan segera itu terpaksa menunggu lebih dari dua bulan daripada pelupusan hartanya daripada Perbendaharaan untuk mendapatkan sebahagian pemulangan wang itu. Itu pun oleh kerana saya terus mendesak jabatan tersebut dalam masa lebih kurang dua tiga minggu tiap-tiap hari melalui telefon.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia yang taat setia mestilah memberi sokongan penuh kepada tindakan Kerajaan dalam menentang ancaman dadah dalam negara kita, Tetapi sudah tentu tiada tindakan Kerajaan akan berjaya sekiranya rakyat sendiri tidak memberi kerjasama yang penuh. Pindaan yang akan dicadangkan ini atas Akta Dadah mestilah mendapat sokongan dari semua pihak sekiranya terdapat jagaan yang cukup atas harta yang dirampas balik atas sebab salah guna.

Kerajaan Singapura, Tuan Yang di-Pertua, telah meletakkan mesin uji urine di tempat kemasukan strategic ataupun tempat keluar dari negara itu. Ini nampaknya telah mendapat hasil yang berkesan dalam menahan penagih dadah. Kerajaan kita barangkali patutlah mencontohi langkah ini dalam perjuangan kita menentang musuh pertama negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan walaupun beberapa langkah tegas telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sembilan tetapi masalah banjir, masalah bekalan air, pemberhentian elektrik dan kekurangan talian ataupun telefon masih wujud. Sebahagian kawasan Kerajaan dan banyak jalanraya utama dalam Negeri Sembilan terutama sekali Lebuhraya Seremban-Port Dickson sering dibanjiri air apabila sahaja hujan lebat berlaku.

Dalam masa menjawab soalan berkenaan dengan jalan raya di antara Port Dickson-Seremban, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan diberitahu bahawa jalan raya di antara Port Dickson/Seremban adalah satu jalan raya yang penting dan Kerajaan juga akan mengambil tindakan untuk membaikinya atau menswastakanya. Maka pada masa sekarang kita menunggu masa yang baik di mana ekonomi kita akan bertambah baik. Tetapi pada masa sekarang tindakan mesti diambil oleh Kerajaan untuk membaiki jalan raya itu walaupun tidak diperbesarkannya kerana pada masa ini apabila hujan turun jalan di antara Port Dickson-Seremban selalu dibanjiri air dan orang yang berulang-alik di antara Port Dickson-Seremban selalu tergendala. Dan diharap Kerajaan akan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, janji-janji telah dibuat sebelum beberapa pilihanraya umum yang lepas untuk mengatasi masalah-masalah ini. Tetapi masalah banjir masih terus ada yang mengakibatkan banyak ketidakselesaan, kerosakan dan masalah atas penduduk-penduduk dan pelancong-pelancong yang melawat ke Negeri Sembilan.

Saya telah difahamkan yang Kerajaan Pusat telahpun memberikan wang kepada Jabatan Parit dan Taliair (Irrigation) untuk meringankan banjir itu tetapi nampaknya kerja yang dijalankan itu terlalu perlahan. Penduduk-penduduk di Seremban dan lalu-lain tempat dalam negeri itu ingin mengetahui bilakah masalah banjir ini dapat diatasi, kalau tidak diperbaiki keadaanya. Pada masa ini bila hujan sungguhpun tidak berapa lebat Bandar Seremban selalu dibanjir air.

Sementara terdapat terlalu banyak air di sungai dan di jalan dalam Negeri Sembilan tetapi terdapat juga kekurangan air dalam paip-paip di Negeri Sembilan khasnya di kawasan Rembau, Port Dickson dan di Bukit Pelandok. Negeri Sembilan memerlukan bantuan yang segera dari Kerajaan Pusat dalam memperkembangkan projek air Sungai Terip dalam usaha memperuntukkan air yang diperlukan. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat memperuntukkan jaminan tanpa penangguhan lagi.

Kita mesti mengucapkan tanniah atas usaha LIN memperuntukkan bekalan elektrik kepada hampir semua kawasan dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, penduduk dalam Negeri Sembilan terutama sekali di Seremban ingin mengetahui mengapakah sepanjang sesuatu minggu mesti terdapat pemberhentian elektrik di kawasau tertentu khasnya di dalam Bandar Seremban.

Pada masa yang sama saya ingin tahu adakah Menteri akan memberi nasihat kepada Majlis Perbandaran Seremban supaya mereka dapat memperuntukkan sistem lampu-lampu yang lebih sempurna dan terang dalam Bandar Seremban. Sekiranya seseorang melalui Seremban di waktu

malam seseorang itu tidak akan melihat sebarang lampu jalan sepanjang Jalan Dato Kadir ke arah bangunan lama Pejabat Setiausaha Kerajaan dan kebanyakan lampu jalan adalah kelihatan gelap dan hanya merupakan perhiasan dalam bandar daripada menerangi bandar.

Saya tahu ini adalah tanggungjawab Majlis Pemandaran Seremban dan oleh sebab itu saya sendiri juga telah menulis beberapa surat kepada Majlis yang berkenaan dan saya pun ada diberitahu bahawa tindakan akan dibuat untuk menukar lampu-lampu yang berkeadaan tetapi sehingga sekarang nampaknya tidak ada kerja-kerja dibuat. Maka saya harap Menteri dan LLN dapat memberi nasihat supaya lampu-lampu itu dapat diitukar.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom telah diswastakan dan pengguna telah mengharapkan usaha yang lebih cekap dalam Jabatan ini. Kecekapan sudah tentu diperbaiki. Permohonan-permohonan tertentu telah diberi perhatian, bil-bil juga dihantar tanpa lewat dan pembayaran yang lewat juga akan diputuskan talianya dengan pantas. Maka itu adalah efficiency, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pengguna-pengguna masih bersungut yang pembayaran telah dikenakan atas panggilan yang pengguna telah menafikan mereka yang buat. Seperti apa yang diberitahu oleh seorang Ahli dalam Dewan ini dalam masa soal jawab apa yang pengguna benar-benar mengharapkan adalah suatu jawapan yang ikhlas daripada Menteri ialah sama ada di bawah sistem yang ada sekarang, adakah mungkin pengguna disalahkan bayaran.

Sekiranya mungkin adakah Menteri akan memberi nasihat kepada pengguna dalam mengelakkan pengenaan bayaran yang salah atas bil mereka daripada berulang kerana berkenaan hal ini di rumah yang berdekatan rumah saya ada juga seorang yang selalu dapat bil di atas panggilan-panggilan yang tidak dibuatnya.

Satu lagi masalah yang sentiasa mengganggu pengguna telefon adalah peruntukan perkhidmatan telefon. Kalau seorang A dari rumah A telah berpindah ke rumah B yang dahulu B tingga, bolehkali A memindahkan nombor telefon dari rumah A ke rumah B yang dahulu dipunyai oleh B di bawah nombor yang berbeza. Pada masa yang sama adakah betul Jabatan Telekom membalas kepada A yang permintaan ini tidak boleh dibuat atas sebab tiada kabel ke rumah B di mana sebelum B berpindah yang telah menggunakan perkhidmtan telefon di rumah B.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa sukacita yang ekonomi negara kita telah diperbaiki atas sebab kenaikan harga dalam keluaran utama negara kita. Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, seluruh perhatian atas Kerajaan dan awam mestilah difokuskan atas tindakan positif yang lebih lanjut untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita ini. Oleh sebab itu, tindakan yang sepatutnya dibuat oleh semua rakyat Malaysia ialah bekerjasama, bersatupadu untuk memulihkan ekonomi yang meleset sekarang ini.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah yang dibuat oleh Baginda semasa pembukaan Parlimen pada 7hb Mac, 1988. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua : Yang Betrhorat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

4.33 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan berucap sebahagian sahaja kerana apa yang akan saya perkatakan telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong iaitu Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pada 7hb Mac kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun nikmat kebahagiaan untuk hidup di dunia ini telah tidak wujud lagi di setengah-setengah negara di dunia ini, walaupun penindasan dan penyeksaan ke atas wanita-wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa sedang berlaku dengan sewenang-wenangaya di setengah-setengah kawasan di dunia ini, walaupun ramai penduduk-penduduk bandar dan luar bandar telah mati akibat perang peluru berpandu yang kini berlaku di kawaaan-kawasan Timur Tengah dan banyak lagi kejadian-kejadian bencana alam di sana-sini, rakyat di negara kita Malaysia yang kita cintai ini masih lagi dapat hidup dalam keadaan aman damai disebabkan kestabilan politik dan ekonomi negara kita. Rakyat jelata dari berbilang kaum dan agama masih lagi boleh menikmati suasana aman dan mencari rezeki mengikut selera masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi akhir-akhir ini nampaknya telah wujud tanda-tanda bahawa ada pihak-pihak yang cuba menghancurkan keadaan aman damai ini mengikut tindakan-tindakan tertentu supaya mereka hilang kepercayaan kepada para pemimpin dan Kerajaan. Mereka telah cuba menimbulkan perasaan-perasaan syak-waangka tanpa menghiraukan falsafah yang telah termaktub dalam Rukunegara kita,

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah dipilih oleh sebilangan besar rakyat dan telahpun terbukti bahawa Kerajaan ini telah dan sedang memberi perkhidmatan yang sungguh-

sungguh bagi rakyat untuk rakyat. Kerajaan kita sentiasa berhati-hati menggunakan kuasa-kuasanya demi kepentingan rakyat dan negara. Nilai-nilai murni seperti amanah, bersih hati dan jujur adalah amalan Kerajaan kita sehingga hari ini semata-mata untuk berusaha mengekalkan keamanan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita hadapi sekarang ini ialah masalah pengangguran yang perlu kita atasi ialah Kerajaan dan rakyat bersatu tenaga mencari jalan mengatasinya. Pengangguran bukanlah suatu perkara baru malah negara-negara yang telah maju juga sedang menghadapinya. Malaysia masih lagi sebuah negara yang membangun dan Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sedang berusaha menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian bukan lagi pertanian. Ini bererti apabila rakyat kita bertambah ramai sehingga 70 juta kelak maka lebih banyak kilang-kilang perusahaan dapat dibuka untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada beribu-ribu orang siswazah dan lain-lain yang menganggur.

Tuan Yang di-pertua, saya berharap Kementerian-kementerian yang berikut ini akan mengambil tindakan yang agak segera dan positif dalam menolong mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur iaitu:

- (1) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah memberi kelonggaran sedikit kepada penganggur-penganggur untuk membuka perusahaan mereka iaitu dari aspek syarat-syarat pelesenan dan sebagainya.
- (2) Kerajaan tempatan seharusnya memberi peluang kepada pemuda-pemudi yang menganggur mendapatkan

lesen warong makan atau runcit ataupun lesen barang-barang runcit dengan lebih mudah lagi supaya mereka akan dapat mencari rezeki secara halal daripada membilang masa di sana sini dan terjebak dengan najis dadah.

- (3) Kementerian Kewangan juga haruslah mewujudkan sedikit skim sebagai galakan kepada penganggur untuk berniaga kecil-kecilan, dengan lain perkataan, bantuan kewangan secara kecil-kecilan.
- (4) Kementerian Penerangan pula hendaklah menyangkan filem-filem keluaran tempatan yang bermutu dan bernilai tinggi supaya syarikat filem-filem tempatan mewujudkan peluang-peluang kepada pekerja-pekerja yang berminat dengan perfileman.
- (5) Kementerian Pertanian juga harus membuka segala peluang yang ada supaya belia-belia kita yang menganggur di kampung-kampung atau yang tinggal di tepi-tepi pantai dapat membuat sesuatu untuk mencari rezeki. Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi projek-projek yang sederhana atau kecil boleh diwujudkan oleh pihak yang berkuasa bagi faedah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan lebih banyak industri-industri pelajaran tinggi di negara kita akan bererti negara kita akan mengeluarkan generasi muda yang intelek dan bijak pandai dan generasi muda tersebut kenalah bekerja lebih kuat dari apa yang mereka lihat sekarang apabila negara kita bertukar corak dari negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian nanti.

Negara ini akan memerlukan rakyat yang bijak pandai yang boleh menggunakan teknologi moden dalam semua aspek. Ini bererti ijazah dari universiti bukan lagi paspoct untuk mendapat pekerjaan dalam Jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran beribu-ribu siswazah setiap tahun membuktikan bahawa generasi muda Malaysia akan terdiri dari manusia yang lebih bertanggungjawab dan boleh berdikari dengan lebih produktif, tetapi bergantung sangat kepada Kerajaan. Di samping itu, kita berharap pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan seharusnya memberi segala bantuan dan dorongan kepada mereka ini supaya tidak lemah semangat mereka apabila gagal mendapatkan sesuatu permohonan. Oleh itu, kita berharap setiap rakyat negara ini akan menyokong Kerajaan kita supaya program-program untuk membina negara kita menjadi sebuah negara perindustrian yang berhasil, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi ingat hasrat Kerajaan kita mengenai pertumbuhan penduduk dan keluarga Malaysia sehingga sampai kepada 70 juta. Mungkin setengah-setengah orang mempunyai berlainan pendapat di antara satu sama lain, tetapi pasaran tempatan masih lagi terhad untuk perusahaan-perusahaan kita berkembang kerana hasil jualbeli dalam negara kita adalah juga sangat terhad, akan tetapi apabila penduduk-penduduk negara ini menjadi 70 juta kelak, ini bererti lebih luas lagi pasaran untuk barang buatan dalam negara. Oleh itu, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang lebih berkesan seperti berikut:

- (1) Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara mestilah berusaha menyebarkan segala maklumat yang perlu kepada surirumah-surirumah secara berterus-terang di setiap kampung dan desa mengenai dasar-dasar Kerajaan untuk menambah rakyat kepada 70 juta, bukan mengurang atau menjarangkan anak dari keluarga yang ramai, dan 10 orang tinggal 2 orang anak sahaja.
- (2) Memberi galakan Kepada Kaum wanita supaya mengikis sikap negatif: yang mempunyai lebih dari 2 orang anak kepada aspek ekonomi dan sebagainya, kerana kata pepatah Melayu: ulat dalam batu alangkan dapat makan, inikan manusia di dunia yang terbentang luas ini.
- (3) Lembaga ini hendaklah menawarkan hadiah-hadiah melalui biasiswa pelajaran dan sebagainya kepada ibu-ibu yang mempunyai lebih dari 6 orang anak.
- (4) Kemudahan-kemudahan pemeriksaan kesihatan dipertingkatkan lagi oleh Kementerian Kesihatan.

Hanya melalui tindakan-tindakan seperti ini rakyat khususnya generasi akan datang akan dapat membuat persediaan mengisi kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh para pemimpin kita yang lalu yang ada sekarang dan yang akan datang. Insyallah, selagi ada kejujuran di semua pihak, rakyat dan negara Malaysia akan majlis dan bertukar menjadi sebuah negara yang disegani dan dihormati oleh dunia luar.

Melalui penerangan-penerangan yang berterusan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara di seluruh negara kelak kaum wanita yang tinggal di luar-luar bandar, juga yang tinggal di bandar akan memahami mengapa negara memerlukan rakyatnya bertambah kepada 70 juta dari sekarang. Mungkin ada pihak-pihak yang telah terpengaruh dengan khabar-khabar angin yang sengaja ditiupkan dari sudut negatifnya sahaja oleh manusia yang anci Kerajaan kita. Sebenarnya mereka itu ingin melihat negara ini kaeau-bilau untuk mereka mengambilalih pemerintahan, kalau boleh. Saya yakin rakyat negara ini akan berdiri teguh di belakang Kerajaan agar cita-cita murni kepentingan negara dan rakyat akan sampai ke matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian kerana Kerajaan ataupun negara kita ialah menjalankan sistem demokrasi. Kalau semakin hari semakin kurang rakyatnya, kita tinggal Parlimen dan Rajanya sahaja, rakyatnya akan hilang, akan pupus dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara telah mencapai kemerdekaan lebih dari 30 tahun yang lalu, rakyat mestilah jangan lupa bahawa anasir- anasir tertentu telah dan akan berusaha untuk menumbangkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini. Walau apapun alasan dan kritik terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri, kita bernasib baik mempunyai undang-undang tersebut untuk mengambll tindakan yang berkesan terhadap orang-orang yang telah mencuba, merancang, menghasut dengan tujuan menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah dapat menentang ataupun mengamankan sesuatu kaum yang cuba

bertelingkah dan saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri juga telah dapat membentangkan satu Kertas Putih mengenai orang-orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun lalu. Kita berharap Kerajaan akan terus memburu dan mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang merancang untuk memusnahkan sistem pemerintahan demokrasi cara hidup kita rakyat Malaysia ini. Kejadian-kejadian yang berlaku di dunia luar di masa kini sepatutnya menjadi contoh kepada kita semua bahawa Kerajaan kita amat perlu mempunyai Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi membendung dengan berkesan aktiviti-aktiviti anti Kerajaan dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi mengenai kesihatan, terutama kepentingan wanita-wanita di luar bandar. Apa yang telah saya terima aduan-aduan kerana saya tidak menggunakan wad bersalin lagi kerana saya sudah tua, tetapi aduan-aduan daripada wanita-wanita muda, terutama di luar-luar bandar terdapat kekurangan wad-wad bersalin dan hospital-hospital daerah kerana negara kita seraakiri hari semakin ramai, tetapi wad bersalin tidak ditambah, kesesakan berlaku di wad-wad bersalin, di hospital-hospital seperti di Melaka - saya tak payah sebutlah. Diharap pihak Kementerian Kesihatan dapat mendirikan rumahsakit-rumahsakit daerah di daerah-daerah yang tidak ada di seluruh negara amnya.

Saya mengesyorkan atau berseru pihak Kerajaan mengkaji semula, dengan tepat, menambah sedikit lagi gaji atau elaun kepada para doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan dari tahun ke tahun dan

memberi kenaikan pangkat 5 tahun ke atas, 10 tahun berkhidmat, misalan 20 tahun berkhidmat supaya beliau ini tidak lari membuka klinik-klinik sendiri dan bekerja dengan pihak-pihak swasta bagi mencari pendapatan yang lebih, kerana keluhan mereka bekerja dengan Kerajaan adalah terlalu kecil pendapatan bagi bidang kemahiran atau profesional mereka, kerana tiap-tiap seorang doktor itu ia hendak mencapai kepada tahap pakar ialah 10 tahun ataupun sekurang-kurangnya 7 tahun. Jadi, Kerajaan hendaklah mengkaji semula walaupun kita tahu keadaan kemelesetan ekonomi negara kita, tetapi bidang ini amatlah perlu kerana bila rakyat sihat, negara kuat. Kalau rakyat negara ini lemah, terutama wanita, kalau ibu-ibu sudah tak boleh memelihara anak dan menjadi surirumah dengan muka yang manis, kalau isteri sakit, suami balik pun tengok isteri sakit, muka masam, tenaga suami pun lemah, tak ada semangat untuk bekerja, untuk membela bangsa dan negara. Jadi, kita mahukan kesihatan sebuah negara itu terjamin, seperti dikatakan "rakyat sihat, negara kuat".

Saperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini agak berlainan sedikit, sebelum ia-menjadi satu isu yang besar, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang segera terhadap orang-orang ataupun pihak-pihak tertentu yang berjalan di sana-sini iaitu mengkristiankan orang-orang Islam, khasnya orang-orang Melayu di bandar-bandar dan telah ada masuk ke luar-luar bandar. Perkara ini amat sensitif di kalangan orang Melayu. Kita takut ini adalah satu anasir luar yang cuba meresap masuk di negara ini melalui atau menggunakan agama dan kita tidak mahu perkara ini menjadi satu perkara yang besar yang menimbulkan huru-hara negara dan pihak Kerajaan hendaklah mengambil berat dan mengatasi masalah ini, terutama rasa saya Menteri yang bertanggungjawab ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sudah disebut di akhbar-akhbar dan saya telah dapat aduan dari orang-orang kampung, dia cuba mengkristiankan orang-orang Islam, khasnya orang-orang Melayu. Mereka ini kadangkala datang pakai mini telekung, pakai baju kurung, macam saya, tetapi ada pakai tanda pangkah ataupun salib. Ini yang membahayakan.

Ada terdapat seorang wanita atau gadis yang mati kemalangan di jalanraya di bandar, tetapi apabila keluarga mereka datang mengambil, maka di badannya ada rantai (salib) yang terdapat tanda Kristian, Ini amat mendukacitakan dan tidak tahu, bila dia sudah meninggal dunia datanglah kawan-kawannya 5-6 orang hendak membawa balik kerana mereka telah lama masuk Kristian.

Perkara ini sudah berlaku di luar bandar dan kita tidak mahu perkara ini akan berleluasa. Kita takut ia menjadi ancaman dengan lebih besar kepada negara kita kerana dalam Rukunegara, Islam adalah agama rasmi bagi negara kita.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Tuan Yang Maha Mulia di Dewan yang mulia ini

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.

4.53ptg.

Tuan Stephen Timothy Wan Ullok: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Pertama sekali, -izinkan saya. mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dewan yang mulia ini. di atas penghormatan dan peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kata. sebagai rakyat Malaysia ingin mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan nenjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada, masa membuka Penggal Kedua, Parlimen yang Ketujuh

Sebagai satu negaran yang sedang membangun, kita sedar penuh iaitu negara kita memerlukan kestabilan politik. Tanpa kestabilan politik Kerajaan tidak akan dapat melaksanakan objektif memperkembangkan ekonomi negara, oleh kerana itu sebarang pembangunan ekonomi dan ketenteraman negara akan terjejas.

rakyat Malaysia patutlah mempunyai sikap taat setia kepada Kerajaan. Kita tahu iaitu proses mencapai, perpaduan di kalangan rakyat dari berbilang kaum dan wilayah di negara, kita mewajibkan kita untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dan mengutamakan kepentingan

masyarakat demi kepentingan diri sendiri. Negara kita yang mempunyai rakyat dari berbilang kaum dan agama tetap mengalami masalah, tetapi kita juga tahu dari pengalaman dan sejarah negara sejak kemerdekaan, negara kita sudah mencapai kejayaan yang cemerlang di bidang pembangunan dan perpaduan.

Tuan Yang di-pertua, kejayaan ini adalah ekoran dari resilient masyarakat kita, Rakyat kita sentiasa bersedia bertolak-ansur dan saling hormat menghormati kepada satu sama lain. Sikap terlampau kita ketepikan, sikap sederhana dan bertanggungjawab kita amalkan

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita telah menyebutkan tadi selalu berada di kalangan masyarakat kita, lebih-lebih lagi negara kita pun luas. Oleh yang demikian, keadaan di semua negeri berbeza di peringkat pembangunan. Misalnya, di Semenanjung Malaysia pembangunan ekonomi dan kemudahan infrastruktur adalah begitu tinggi, akan tetapi di Sabah dan Sarawak pembangunan ekonomi di kedua-dua negeri itu adalah kurang memuaskan. Ini adalah berpunca dari sebab-sebab sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang kita tahu tentang hakikatnya perbezaan ini kita bergantung harapan besar agar Kerajaan Pusat akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mempercepatkan proses kemajuan dan pembangunan kedua-dua negeri itu supaya keadaan di negeri-negeri itu akan mencapai taraf dan keadaan yang serupa dengan Semenanjung Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak khususnya, pembangunan dari segi perhubungan dan pengangkutan kini jauh ketinggalan tahun sejak merdeka dalam Malaysia, kita belum ada lagi lebuh raya yang dinanti-nantikan yang akan menerusi negeri Sarawak ke negeri Sabah. Dalam proses membangunkan ekonomi di sesuatu negara

perhubungan jalanraya dan kemudahan asas intrastruktur memainkan peranan yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri yang luas seperti Sarawak, ingin saya menyatakan iaitu pembangunan jalanraya patut dikaji dengan rapi selaras dengan keadaan perhubungan tradisi seperti jalan menerusi sungai-sungai. Jikalau kita dapat menyelaraskan kegunaan jalanraya dengan kegunaan sungai-sungai, ini mungkin menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini, ingin saya cadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan kemungkinan untuk membentuk satu kajian tentang membaiki dan menyambung jalan pembalakan atau logging road, dengan izin, yang sedia ada di negeri Sarawak pada masa sekarang. Saya berpendapat jikalau longging road yang saya rujuk dapat diperbaiki dan disambung, ini boleh menjadi sebagai network untuk jalanraya yang boleh membukakan kawasan-kawasan pendalaman di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau masalah perhubungan dan pengangkutan dibiarkan sahaja, tentulah nasib rakyat kita yang tinggal jauh di luar bandar dan di pendalaman Sarawak, juga terbiar dan tanah yang luas dan berpotensi itu pun terbiar. Kita dengan hati jujur dan ikhlas ingin memberi pandangan iaitu perkara ini akhirnya akan memberi kesan yang bukan dikehendaki. Akibatnya perpaduan di antara rakyat akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bangga di atas cadangan Kerajaan Negeri untuk membina sistem keretapi di Sarawak. Kita berharap agar projek ini akan berjaya. Rakyat sokong penuh dasar-dasar Kerajaan dalam Malaysia Plan. Rakyat sedar tentang keunggulan Dasar Ekonomi Baru, tetapi ingin juga kita mencadangkan agar pelaksanaan

dasar-dasar Kerajaan dapat ditaksirkan dan review dengan rapi dari masa ke masa. Pembangunan dan kemajuan ekonomi patut meniberi keuntungan kepada semua wilayah dan kawasan di seluruh Malaysia supaya tidak ada satu kawasan dan wilayah ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya objektif kerajaan dalam membasmikan kemiskinan termasuk juga overall concept, dengan izin, untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf hidup semua rakyat Malaysia secara menyeluruh di semua kawasan, baikpun di luar bandar ataupun di bandar, baikpun di Sarawak dan Sabah ataupun di semenanjung Malaysia. Jikalau cita-cita ini berjaya dicapai, ini tetap akan membanggakan rakyat jelata dan akan memastikan perpaduan dan muhibbah di kalangan rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perhubungan seperti jalanraya dan pembinaan kemudahan infrastruktur akan terbabit dengan kos pengeluaran barangan hasil Malaysia. Saya ingin merayu agar Kerajaan akan mempercepat pembinaan eksport terminal di negeri Sarawak, di tempat-tempat yang belum lagi sedia sebarang kemudahan pelabuhan. Tanpa kemudahan infrastruktur, sukarlah untuk usahawan kita bersaing di pasaran antarabangsa dengan hasil yang serupa dari negara-negara jiran.

pelancongan di negeri Sarawak, ingin saya menyeru supaya Kerajaan akan meningkatkan penerbangan dan perkhidmatan MAS ke destinasi di Sarawak dari Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Destinasi-destinasi di Sarawak dan Sabah, baikpun di bandar-bandar yang besar ataupun yang kecil patutlah dimasuki dalam perjalanan atau routes pelancong-pelancong, peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur asing dari negara EEC, Amerika Syarikat dan negeri Jepun.

Saya berpendapat Perkhidmatan MAS ke kedua-dua negeri itu belum lagi mencukupi. Oleh kerana demikian, destinasi-destinasi di Sarawak dan Sabah sentiasa dikenali sebagai "off the beaten traeks".

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di Sabah dan Serawak sedia ada tempat yang begitu menarik dari segi alam semula jadi dan kebudayaan kaum yang tinggal di negeri-negeri itu. Jikalau pelancong diberi kemudahan untuk melawat negeri-negeri itu dengan lebih mudah lagi, tentulah industri pelancongan di Malaysia diperluaskan lagi. Ini akan memberi peluang kepada hotel-hotel tempatan dan industri-industri berkenaan untuk tambah berkembang dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas langkah positif untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan melalui kaedah penggunaan bahasa baku. Kelengkapan rakyat kita dalam penggunaan Bahasa Malaysia akan menambahkan semangat bersatu-padu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

5.01 ptg

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mohon izin menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Di-Raja Baginda.

Tuan Yang di-Pertua saya suka menyentuh berkenaan dengan usaha Kerajaan meningkatkan ekonomi negara kita. Kerajaan telah memberi kemudahan yang istimewa kepada pelabur-pelabur asing. Syukur dan tahniah di atas kemudahan tersebut yang telah menarik ramai pelabur datang ke negara kita khasnya di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kemudahan istimewa telah diberi kepada pelabur-pelabur asing, tetapi ada setengah-setengah pelabur masih bimbang beberapa perkara apabila mereka ini melabur di negara kita. Satu di antara perkara yang dibimbangkan ialah berkenaan dengan jaminan di atas wang berjuta-juta ringgit yang akan dilaburkan di negara kita. Pada masa sekarang Kerajaan kita hanya memberi visa kepada pemegang jawatan utama atau, dengan izin, 'key post', apabila dibandingkan dengan negara jiran iaitu di Thailand, seseorang pelabur apabila melabur di negara itu, mereka akan diberi taraf pemastautin tetap. Jadi, ada setengah-setengah pelabur bimbang macam mana mereka dapat jamaian atas pelaburan mereka yang berjuta-juta ringgit di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang pelabur yang datang ke negara kita menubuhkan sesuatu kilang, ia akan mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu Kerajaan kita mengatasi masalah pengangguran rakyat kita. Oleh itu perkara yang dibimbangkan oleh pelabur-pelabur ini Kerajaan kita haruslah memberi penjelasan kepada mereka.

Satu petrkara lagi yang dibimbangkan oleh pelabur yang datang ke negara kita khususnya di negeri Melaka, ialah mengenai dengan pengangkutan kontena yang mengenakan kos yang tinggi dalam perjalanan dari Melaka ke Port Klang yang sejauh lebih kurang 150 kilometer iaitu dengan bayaran \$1,470 bagi tiap-tiap kontena yang berukuran 40 kaki panjang. Jika kadar bayaran \$1,470 untuk sejauh 150 kilometer dengan kontena yang berukuran 40 kaki panjang dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti di Taiwan, agak jauh terlalu tinggi dan ini akan membebankan atau memberatkan pelabur-pelabur yang akan melabur di negara kita.

Saya rasa kemungkinan ini disebabkan kerana kontena kita di-monopoli oleh sebuah syarikat sahaja dan di samping itu syarikat kontena yang berkenaan mengadakan syarat-syarat yang ketat, umpamanya, membenarkan dalam masa 4 jam untuk menyelesaikan kerja punggah-memunggah barang-barang. Oleh itu, Lembaga Port Klang, oleh kerana cuma sebuah syarikat yang menjalankan perkhidmatan kontena, maka LPK tidak ada pilihan yang lain.

Oleh itu, saya suka mencadangkan sekiranya kita hendak mengatasi masalah ini, pada masa akan datang tender perkhidmatan kontena dibuka lebih menyeluruh lagi atau memberi kemudahan kepada pengilang-pengilang untuk mengangkut kontena masing-masing. Syor ini akan menarik perhatian pelabur-pelabur kerana kos pengurusan pengangkutan yang rendah akan dapat pihak pelabur mengeluarkan barang-barang dengan kos yang rendah dan dengan itu mereka dapat bersaing dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara lagi, satu perkara yang saya harap Kerajaan harus berwaspada iaitu berhubung dengan ternakan babi di negara jiran. Baru-baru ini laporan akhbar di Singapura telah melaporkan bahawa Kerajaan Singapura akan menutup semua ladang ternakan babi bagi peringkat terakhir berkuasa pada 30hb November, 1989, dan sejumlah lebih kurang 222 ladang ternakan babi di negara itu terlibat di dalam tindakan tersebut. Ada tanda-tanda membuktikan bahawa mereka terpaksa memindahkan ladang ternakan babi ke negara kita.

Apa yang membimbangkan kita ialah sekiranya perkara itu berlaku, ada dua perkara yang harus diambil perhatian oleh Kerajaan iaitu kemungkinan apabila mereka pindah ke negara kita, akibat dari perpindahan itu akan menjejaskan perusahaan penternak kita yang

sedia ada. Yang kedua, kemungkinan besar pengusaha-pengusaha dari negara itu akan menguasai harga babi kerana mereka itu mengusahakan ternakan secara besar-besaran, lagipun kita tidak mahu menambah pencemaran alam sekitar di negara kita.

Kita mengalu-alukan pelabur-pelabur asing yang berhasrat memproses bahan-bahan daripada ternakan babi. Apa yang diperlukan bahan-bahan mentah mesti daripada hasil ternakan babi dan pada masa kini jumlah hasil ternakan babi bukan sahaja mencukupi untuk pasaran tempatan, malah lebih kurang 40,000 ekor babi telah dieksport ke Singapura pada tiap-tiap bulan. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Kerajaan tidak perlu membenarkan penternak-penternak babi hendak memindahkan ladang-ladang ternakan babi ke negara kita.

Tuan Yang di- Pertua satu perkara lagi yang saya ingin sentuh pada petang ini iaitu berhubung dengan cadangan penswastakan Jeti Tanjung Bruas di Melaka. Saya menyokong projek cadangan menswastakan Jeti Tanjung Bruas di Melaka, tetapi sebelum Kerajaan hendak melaksanakannya, sepatutnya kajian terperinci harus dijalankan kerana kita tidak mahu menjejaskan nasib lebih kurang 500 orang pekerja-pekerja yang sedang bekerja di Jeti tersebut dan juga kepada pengguna-pengguna Jeti Tanjung Bruas yang telah menggunakan Jeti selama ini pun telah banyak melaburkan modal untuk jentera-jentera pemungkah dan lain-lain kelengkapan. Apa yang dikhuatiri ialah sekiranya Jeti Tanjung Bruas di Melaka diswastakan kepada pihak yang tidak berpengalaman, akan mengakibatkan prestasi penggunaan Jeti tersebut. Oleh itu, sebelum Kerajaan menswastakan Jeti tersebut, Kerajaan mestilah mengambil berat semua pihak yang berkenaan termasuk pengguna-pengguna Jeti dan pekerja-pekerja yang ada di Jeti itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang berkenaan dengan peruntukan kepada sekolah-sekolah, khasnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) iaitu Kementerian Pendidikan pada tiap-tiap tahun memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah adalah berdasarkan kepada peruntukan beberapa puluh tahun yang lalu. Ini sangatlah tidak sesuai.

Peruntukkan-peruntukan PCG ataupun per capita grant, dengan izin, yang terkandung dalamnya peruntukan perpustakaan, peruntukan Sains dan Hisab dan pendidikan seni patutlah dikaji semula.

Saya sebut demikian kerana misalnya peruntukan untuk perpustakaan sangatlah tidak munasabah, hanya lebih kurang \$2.90 diperuntukkan bagi tiap-tiap seorang murid. Dalam keadaan sekarang untuk membeli sebuah buku harga tidak kurang daripada \$3.00. Keadaan ini teruk di sekolah-sekolah yang kecil. Dalam matlamat Kerajaan sekarang dalam getakan membaca sepatutnya peruntukan bagi perpustakaan di sekolah-sekolah rendah mesti ditambah demi menjayakan tahun ini sebagai tahun membaca.

Saya ingin menyentuh kedudukan berkenaan dengan sekolah-sekolah di dalam negara kita, khususnya Sekolah-sekolah Rendah Jenis kebangsaan (Cina) yang didirikan di tanah swasta. Saya suka mengemukakan satu masalah yang dihadapi oleh sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Melaka iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bachang yang telah menghadapi tuan tanah hendak merobohkan bangunan sekolah ini kerana sekolah ini telah didirikan di atas tanah swasta sejak tahun 1936. Baru-baru ini pihak tuantuan punya tanah berhasrat hendak merobohkan bangunan sekolah ini untuk projek perumahan.

Oleh itu, tuan-tuan punya tanah telah menuntut kepada pihak sekolah sebanyak \$850,000 bagi seluas kawasan setengah ekar kawasan sekolah ini. Dan pihak LPS memang tidak mampu membayar sejumlah wang yang besar bagi kos tanah tersebut. Lagi pun murid-murid di sekolah ini adalah datang daripada keluarga-keluarga yang sederhana. Ini amatlah malang sekiranya perkara ini berlaku, Saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelamatkan sekolah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penerbitan semula akhbar The Star mulai daripada 26hb Mac tahun ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana saya pernah menyentuh penutupan akhbar tersebut dan saya juga pernah meminta Kerajaan menimbangkan semula penerbitannya kerana nasib pekerja-pekerja yang menghadapi pengangguran apabila akhbar tersebut ditutup. Penerbitan semula akhbar telah membuktikan kejujuran Kerajaan dan mengekalkan demokrasi yang tulen dan kebebasan akhbar dan tindakan Kerajaan ini akan memberi satu gambaran kestabilan politik negara yang akan memberi keyakinan bagi menarik perhatian pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Sebagai membalas budi Kerajaan, wartawan-wartawan patutlah mengambil kira sesuatu untuk menjaga imej negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya suka menyentuh berkenaan dengan keselamatan di lebuh raya antara Air Keroh dengan Senawang. Kementerian Kerjaraya sepatutnya ataupun seharusnya mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengawal binatang-binatang yang berkeliaran di lebuh raya-lebuh raya tersebut kerana sehingga hari ini lebuh raya antara Air Keroh dengan Senawang masih merbahaya kepada pemandu-pemandu, khususnya pada waktu malam.

Walaupun Kerajaan telah memasaag pagar tetapi masih ada binatang yang berkeliaran di lebuhraya tersebut, juga sepatutnya Kementerian Kerjaraya menggunakan peruntukan penyenggaraan untuk memasang lampu-lampu jalan dari permulaan Tol Air Keroh ke bandar Melaka kerana pada maaa sekarang apabila telah lepas Tol Air Keroh ke bandar Melaka, jalan tersebut sangat gelap kepada pelancoog-pelancong dan pelawat-pelawat yang datang ke Melaka pada waktu malam, kemungkinan mereka akan sesat jalan. Oleh itu saya suka merayu kepada Kementerian Kerjaraya memasangkan lampu jalan daripada Tol Air Keroh ke bandar Melaka, ia akan dapat menjamin keselamatan pengguna-pengguna di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Pendikar Amin bin Haji Mulia.

5.17 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat terhutang budi kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memberi saya peluang buat kali yang pertama ini untuk turut mengambil bahagian membahas Usul yang telah dibawa oleh Senator Abu Bakar bin Lajim iaitu Usul menjunjung kasih Kebawah Duli kerana titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh, pada 7hb Mac, 1988 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan dan Dewan Undangan Negeri Sabah yang memilih saya sebagai anggota Dewan Senate yang mulia ini kerana tanpa kepercayaan dan perlantikan ini, saya tidak akan dapat turut berbahas di Dewan Senate yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap terdahulu dari saya di mana Ahli-ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa isi kandungan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda walaupun pendek tetapi telah menyentuh keseluruhan masalah semasa negara ini dan telah pula menyarankan tindakan-tindakan yang harus dan perlu diambil atau dibuat oleh Kerajaan selaras dengan tuntutan rakyat majmuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengutarakan pendapat saya mengenai dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, saya ingin menyentuh dengan isu-isu berbangkit yang menarik perhatian saya iaitu tentang perpaduan, pembangunan ekonomi dan kestabilan politik, industri pelancongan, penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, kemudahan-kemudahan asas, akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat, pendidikan dan akhir sekali keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, perpaduan negara boleh dicapai, antara lain, melalui memperhebatkan usaha menanam semangat cintakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat negara ini. Saranan ini memang benar kerana kita tidak bisa mungkin bersepadu dalam erti kata yang sebenarnya sekiranya kita tidak saling mengerti di antara satu sama lain.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, bayangkan sahaja sekiranya dalam mengambil bahagian untuk membahas Usul ini saya bertutur dalam bahasa Bajau atau Kadazan, misalnya. Sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan berasal dari Sabah tidak faham apa yang saya ketengahkan di Dewan yang mulia ini.

Di dalam soal tidak faham inilah timbul perselisihan faham di antara pemimpin sesama pemimpin, rakyat sesama rakyat dan juga pemimpin dengan rakyat. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal penggunaan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan di dalam mahkamah. Kita dapati, ada dua pendapat yang bercanggah, yang saya takrifkan sebagai pendapat positif dan negatif. Mereka yang berpendapat positif beria-ia sangat supaya Bahasa Malaysia digunakan dalam perbicaraan di mahkamah bukan kerana mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, berasal daripada golongan sasterawati seperti A. Samad Said, Usman Awang atau Shahnnon Ahmad, tetapi cuma sekadar mereka ini, saya percaya mempunyai semangat yang mencintai Bahasa Malaysia. Mereka ini saya takrifkan termasuk dalam golongan apa yang dimaksudkan oleh pepatah Melayu, rangkap pertama: Hendak seribu daya, dan yang berpendapat negatif pula mengutarakan berbagai alasan-alasan kononnya Bahasa Malaysia belum mampu untuk digunakan sebagai bahasa komunikasi atau perantaraan dalam perbicaraan di mahkamah dan berbagai-bagai lagi alasan diberikan, Mereka ini termasuk dalam golongan, apa yang dimaksudkan oleh rangkap kedua peribahasa Melayu iaitu tak hendak seribu dalih hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang ialah bagaimana kita boleh menanamkan semangat 'Cintakan Bahasa Malaysia' di kalangan

rakyat biasa, kalau peguam-peguam terpelajar dan pemimpin-pemimpin yang menganggap diri mereka bijaksana dalam semua isu dan juga para intelek lainnya menolak saranan supaya Bahasa Malaysia itu harus digunakan dalam semua peringkat hidup di negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di Indonesia bahasa Indonesia itu bisa mampu digunakan dalam semua aspek kehidupan seharian rakyat, saya berpendapat di Malaysia ini kita juga bisa berbuat demikian, insya Allah. Dan untuk ini, kita harus mulai mencintai Bahasa Malaysia hari ini untuk kekuatan negara kita hari esok. Kita tidak harus berdalih-dalih lagi tentang hal ini seperti yang disarankan oleh golongan yang berpendapat negatif itu kerana dengan berbuat demikian, kita sengaja melambat-lambatkan proses ke arah kemantapan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah misalnya.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua ialah, kalau kita tunggu lima tahun atau sepuluh tahun dari sekarang baru kita hendak menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah, bukan bermakna di waktu itu kita terus menjadi mahir secara spontan untuk berbahasa Malaysia yang betul. Adalah diakui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah masa kini mempunyai kepincangan sedikit tetapi dengan menggunakannya juga sekarang, bukankah peguam-peguam dan hakim-hakim kita akan menjadi lebih mahir dalam bahasa ini dalam masa lima tahun atau sepuluh tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu ada mengatakan yang bulat itu tidak akan datang menggolek dan yang pipih itu tidak akan datang melayang secara sendiri. Maka itu tepatlah saranan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda iaitu Kerajaan harus memperhebatkan lagi

usaha untuk menanamkan semangat cintakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat kita. Sehubungan dengan ini, pemimpin-pemimpin, orang-orang terpelajar, para intelek, sasterawan dan sebagainya harus turut sama untuk menjayakan usaha Kerajaan yang murni itu.

Tuan Yang di-Pert-ua, adalah menjadi cita-cita semua pihak dalam negara ini sania ada dari pihak Pembangkang mahupun pihak Kerajaan agar ekonomi aegara ini akan membangun dan terus membangun supaya rakyat di negara ini akan dapat hidup bahagia dan semua pihak, saya percaya, sedia maklum bahawa ekonomi itu tidak bisa mungkin dibangunkan oleh sesiapa sekiranya suasana politik sesebuah negara itu bergelora. Tetapi apa yang menyedihkan ialah walaupun mereka faham dengan keadaan yang sebenarnya, pemimpin-pemimpin Pembangkang demi untuk kepentingan mereka sendiri, seringkali mengeksploitasikan polemik semasa yang boleh menggugat kestabilan politik negara ini dan apa yang membingungkan sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam proses menggugat kestabilan politik negara ini pemimpin-pemimpin yang sama pula mengatakan bahawa mereka berbuat demikian untuk kepentingan rakyat yang mereka wakili, Kepentingan apa yang mereka maksudkan ini? Adakah tindakan menjejaskan ekonomi negara ini menjadi kepentingan rakyat Kota Melaka di Melaka atau di Tanjong, Pulau Pinang? Setahu saya, terjejasnya ekonomi negara, terjejaslah juga ekonomi rakyat di Kota Melaka dan di Tanjong, Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang daripada sudut analisis ini, maka kesimpulan yang kita dapati ialah tindakan pemimpin-pemimpin Pembangkang selama ini adalah cuma memudaratkan rakyat negara ini, termasuklah rakyat yang mereka wakili.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan menangkap pemimpin-pemimpin Pembangkang ini, adalah amat wajar sekali kerana dengan tindakan demikian terbukti suasana politik negara ini menjadi tenang semula dan ekoran dari ketenangan ini ekonomi negara bergerak ke arah yang dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya, Kerajaan tidak harus ragu-ragu untuk menggunakan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, sekiranya tindakan berbuat demikian ialah semata-mata untuk kepentingan keseluruhan rakyat negara ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya, adalah tindakan yang adil memenjarakan dua-tiga orang pemimpin demi untuk menyelamatkan ratusan ribu rakyat negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita menyandarkan sepenuh harapan kepada Kerajaan supaya bersikap tidak berkompromi dalam hal-hal yang menggugat kestabilan politik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu industri pelancongan di mana peruntukan sejumlah \$100 juta bagi tahun 1988 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Bagi pendapat saya, ini mencerminkan betapa industri pelancongan itu adalah diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, ada satu persoalan yang amat penting, yang harus saya fikir diberi perhatian yang lebih terperinci oleh Kerajaan iaitu persoalan yang telahpun dikemukakan sebentar tadi oleh seorang Ahli Dewan yang mulia ini dari Sarawak iaitu persoalan tentang masalah keberkesanannya strategi-strategi yang diketengahkan oleh Perbadanan Pelancongan di Malaysia Timur, iaitu di Sabah dan di Sarawak. Maksud saya, ialah Kerajaan sekarang melalui Perbadanan Pelancongan telah menggubal berbagai-bagai strategi sepertimana yang kita dengar dalam Jawapan Mulut kelmarin, yang saya ingin kemukakan di sini ialah sejauh manakah strategi-strategi itu akan berkesan di Pantai Timur iaitu di Sabah dan di Sarawak memandangkan lokasi Sabah dan Sarawak itu terletak di tempat yang kurang strategik.

Saya berpendapat walau apapun usaha Kerajaan Pusat berkaitan dengan Industri Pelancongan di negara ini, kami rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak tidak akan menikmati hasil sepenuhnya kalau pihak Kerajaan tidak dapat berunding dengan serius dengan pihak swasta, khususnya dalam hal ini, iaitu pihak MAS untuk mengurangkan tambang kapalterbang. Sepertimana yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak tadi, bahawa di negeri Sabah dan Sarawak benda-benda yang boleh menarik pelancong tidak kurang kalau kita bandingkan dengan apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia ini. Tetapi oleh kerana lokasi kedua-dua negeri ini terletak di tempat yang kurang strategik, maka kalau pihak MAS tidak bersetuju untuk mengurangkan perbelanjaan tambang ataupun Kerajaan tidak melonggarkan syarat-syaratpersaingan industri penerbangan, iaitu mungkin

menambahkan penerbangan dari pihak syarikat penerbangan lain umpamanya, maka keadaan seumpama ini akan berterusan dan saya fikir Kerajaan Pusat bukanlah bermaksud untuk membeza-bezakan rakyatnya dalam menggubal sesuatu strategi. Ini saya penuh yakin dan percaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan itu kita penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak menyandarkan harapan yang penuh kepada Kerajaan Pusat untuk mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu pendidikan, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Parlimen untuk mengetengahkan masalah rakyat yang dibawa ke perhatiannya dan sehubungan dengan ini, menerusi Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian Menteri Pendidikan kepada suatu persoalan yang saya anggap penting dan dianggap oleh oraag-oraag yang terlibat terpenting sekali dalam hidup mereka. Masalah ini ialah masalah Guru-guru Besar yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman dalam pendidikan yang tidak dinaikkan pangkat. Saya percaya sebentar tadi isu ini telahpundi-sentuh oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini, sebelum berangkat untuk menyertai persidangan ini, saya ditemui oleh wakil-wakil Guru-guru Besar yang terlibat yang tidak dinaikkan pangkat dan apa yang menyedihkan saya ialah dua atau tiga orang daripada mereka ini pernah menjadi guru sekolah saya. Setahu saya mereka ini telah berkhidmat sebagai guru berpuluh tahun dan katau tidak silap saya ada di antara seorang daripada mereka telah berkhidmat selama 22 tahun sebagai Guru Besar Sekolah Rendah.

Baru-baru ini setelah Kerajaan menggubal satu polisi untuk menaikkan pangkat Guru-guru Besar selaras dengan garis panduan-garis panduan yang telah disediakan, didapati bahawa di Sabah apa yang saya telah difahamkan oleh rombongan itu, lebih kurang 400 Guru-guru Besar yang sekarang ini menjawat sebagai Guru Besar telah-pun mendapat surat daripada Jabatan Pendidikan di Sabah untuk bersedia digantikan sekiranya ada pengganti yang datang yang meayandang jawatan ataupun kategori yang lebih tinggi daripadanya. Mereka yang terlibat ini sangat-sangat terkilan sekali dengan tindakan ini oleh kerana setelah memegang jawatan sebagai pendidik begitu lama, dan ada di antara mereka yang hampir, dengan izin, 'retired' ataupun pencen yang dapat pula satu surat yang mereka itu akan digantikan. Jadi lucu, Tuan Yang di-Pertua, kerana seorang daripada mereka telah mengemukakan satu peribahasa kepada saya dalam bahasa Bajau, dan dengan izin saya sampaikan di sini dan selepas itu saya alih bahasakan.

Beliau berkata kalau keadaan seumpama ini kami guru-guru yang berpengalaman lama tetapi mungkin tidak ada kelulusan tinggi seperti Pepatah Bajau dia kata: "Amon kolek gading alah, tandok nyak bergono." Dalam alih bahasanya lebih kurang dalam Bahasa Malaysianya "Kalau sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi."

Tuan Yang di-Pertua, saya emosi tentang perkara ini oleh kerana saya awal-awal telah menyatakan tadi bahawa dua atau tiga orang daripada mereka itu pernah menjadi guru saya. Mereka telah juga membawa kepada perhatian saya satu kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan ketika merasmikan satu persidangan perwakilan Kongres Kesatuan Guru-guru di Kota Bharu pada 30.1.88 di mana Menteri Pendidikan menyatakan, dengan izin:

"Guru-guru yang berpengalaman sudah lama berkhidmat dan mempunyai kebolehan juga akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk dinaikkan pangkat.

Iniilah salah satu langkah mengenang jasa mereka dalam profesyen perguruan."

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak mereka yang terlibat dengan penuh rendah hati saya merayu kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri Pendidikan supaya mengimplimentasikan dengan seberapa cepat yang mungkin janji ataupun kenyataan yang dibuat oleh beliau di Kota Bharu, Kelantan pada bulan Januari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan mengutarakan masalah rakyat di dalam Dewan yang mulia ini, ingin juga saya menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan keselamatan

rakyat di persisiran pantai atau di perairan Lahad Datu dan Semporna khususnya kerana sebagai yang semua kita maklum sejak kebelakangan ini rompakkan ataupun perlanunan telah menjadi-jadi

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kehidupan hampir keseluruhan rakyat yang duduk dalam daerah Lahad Datu dan Semporna ialah menangkap ikan ataupun penduduknya ialah nelayan. Kini kehidupan mereka ini, saya berani menyatakan di sini telah terjejas dengan kegiatan-kegiatan perlanunan yang begitu hebat sekali dalam masa kebelakangan ini. Rakyat dalam kawasan itu ataupun dalam negeri Sabah amnya tidak boleh berbuat apa-apa untuk membantu mereka yang terlibat ini.

Kita terpaksa mengharapkan kepada Kerajaan khususnya daripada Menteri Dalam Negeri supaya kawalan ketat akan diperhebatkan di kawasan-kawasan ini kerana saya rasa kalau penduduk-penduduk ini akan cuba terus menangkap ikan sudah tentu mereka akan mati dibunuh oleh lanun. Tetapi kalau mereka ini pula bercadang untuk duduk-duduk di rumah sahaja kerana takut dibunuh oleh lanun di laut, saya percaya mereka juga akan mati kelaparan. Jadi ini adalah satu cerita yang amat sedih di mana rakyat kita Malaysia miskin tidak mempunyai pilihan: cari nafkah mati, tidak cari nafkah juga mati.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. ingin saya menyentuh tentang apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia iaitu Baginda menyarankan supaya usaha mempergiatkan lagi penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru hendaklah diteruskan.

Di bidang pertanian tumpuan hendaklah terus diberi kepada pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan khususnya buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan selaras dengau matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Dasar Ekonomi Baru itu digubal oleh Kerajaan untuk mensetarafkan taraf hidup kaum bumiputera yang ketinggalan dan kaum bukan bumiputera yang sudah terlebih dahulu ke depan dalam segi ekonomi.

Apa yang menarik perhatian saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah pula dasar yang akan digubal oleh Kerajaan untuk mensetarafkan taraf hidup kaum bumiputera di Semenanjung Malaysia ini dengan kaum bumiputera yang terdapat di Sarawak dan di Sabah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru?

Penduduk-penduduk atau petani-petani di Sabah dan di Sarawak bukannya malas untuk bertani, menangkap ikan dan sebagainya, tidak untuk hidup, kita perlu berusaha, tetapi jika kita bandingkan kehidupan petani-petani yang terdapat di Sabah dan Sarawak adalah lebih jauh bezanya dengan taraf kehidupan petani-petani yang didapati di Semenanjung Malaysia. Ini adalah bergantung kepada beberapa faktor. Satu daripada faktor yang juga telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapannya ialah kemudahaa asas. Ini berkaitan, Tuan Yang di-Pertua.

Bagaimanakah petani-petani yang berada di pendalaman misal kata boleh mengeluarkan secukup-cukup nenas, ubi, sayur kobis, tomato dan sebagainya untuk hidup sekiranya tidak ada pasaran yang tertentu untuk benda ini. Dan sekiranya pun ada pasaran-pasaran yang tertentu misalnya kalau di Semenanjung mempunyai badan-badan pertanian yang boleh membeli hasil-hasil tani itu, bagaimana caranya untuk diangkut ke bandar-bandar ataupun dieksport kalau sekiranya kemudahan asas seperti jalan raya tidak ada. Sekali lagi kita dapati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak dalam dilema kepingin untuk bertani, kepingin untuk bercucuk tanam mengeluarkan sebanyak-banyak supaya dapat mengaut untung yang banyak tetapi di luar bidang kuasa mereka tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sekatan-sekatan fakta-fakta di luar yang di bawah bidang kuasa Kerajaan.

Kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat untuk membekalkan peruntukan-peruntukan yang secukupnya untuk kemudahan-kemudahan asas di bawah Rancangan Malaysia Kelima tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan ialah peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan itu kita di negeri Sabah masih lagi menunggu bila projek-projek itu akan selesai.

Saya amat kagum dengan jawapan Menteri Kerjaraya kelmarin sewaktu menjawab Soalan-soalan Mulut dan soalan tambahan mengenai dengan tol. Kalau di Semenanjung Malaysia ini rakyat dan pemimpin di sini sudah boleh bercerita dengan tol, kami di Sabah dan di Sarawak dengan izin, Tuan Yang di-Pertua bertanya binatang apa tol itu? Kita tidak tahu apa itu tol. Jadi, berbalik kepada apa yang saya nyatakan tadi kalau Dasar Ekonomi Baru itu digubal untuk mensejahterakan kaum bumiputera dan bukan bumiputera, dasar apa yang

Kerajaan Persekutuan buat intuk mensetarafkan taraf kehidupan rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah supaya Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian yang lebih hebat lagi tentang masalah-masalah bumiputera yang tinggal di Sabah dari Sarawak supaya sama-sama kita dapat menikmati strategi-strategi yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru yang kita semua cintai.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dengan soal akhlak tinggi. Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, dengan izin, di muka surat 4 Duli Yang

Maha Mulia menyarankan supaya Kerajaan dan rakyat sekalian bertanggungjawab memupuk unsur-unsur akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat. Dan kita percaya Kerajaan telah pun buat ini di mana di suatu ketika dahulu cogankata-cogankata seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan kita boleh nampak di papan-papan tanda yang telah khas disediakan di pejabat-pejabat dan sebagainya. Tetapi soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana kita memupuk unsur-unsur akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat kalau sekiranya kita tidak boleh memupuk unsur-unsur akhlak yang tinggi di kalangan pemimpin.

Maksud saya ialah sejak kebelakangan ini kita sering kali terbaca di suratkhobar-suratkhobar, termampak di kaca televisyen dan terdengar di corong-corong radio banyak sekali perkara-perkara pecah amanah dan sebagainya yang telah dilakukan bukan oleh pegawai rendah, bukan oleh rakyat biasa tetapi oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan seperti perumpamaan Melayu kalau ketam itu mahu menyuruh anaknya berjalan betul maka bapak atau emak ketam itu harus

berjalan betul dahulu, selaras dengan cogankata yang digubal iaitu Kepimpinan Melalui Teladan. Dan kalau guru itu mahu anak-anak muridnya supaya kencing berdiri maka siguru itu harus tidak kencing sewaktu berlari. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan hal ini sukaiah kita mengingatkan terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin untuk berkesannya saranan oleh Baginda itu kita harus sebagai pemimpin memupuk dahulu pada diri kita sendiri unsur-unsur akhlak yang tinggi kerana sekiranya unsur-unsur itu sudah ada dalam diri kita maka secara automatis rakyat yang kita wakili semua akan juga mempunyai unsur-unsur akhlak yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian saya mohon menyokong Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Hassan bin Nam**.

5.58 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan mengucapkan jutaan terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, pada masa membuka Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh Dewan Rakyat baru-baru ini.

Saya juga bangun mewakili masyarakat Orang Asli di Semenanjung menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Baginda yang begitu padat dan realistik pada saat kita menghadapi berbagai-bagai cabaran sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda dengan bijaksana menyentuh segala aspek kehidupan rakyat jelata menunjukkan bahawa Baginda yang kita kasihi sebagai seorang Raja yang berdaulat sungguh-sungguh mengambil berat mengenai kehidupan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Baginda.

Baginda adalah dianggap sebagai payung dan penawar kepada kita semua di mana kita dapat berteduh dan memohon segala-galanya, bukan untuk kepentingan peribadi bahkan untuk kepentingan rakyat jelata yang terdiri daripada semua kaum yang mana ingin hidup aman damai di dalam negara yang kita cintai ini, sama ada sebelum dan setelah kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Baginda dalam titahnya ialah di mana negara kita telah berjaya hidup dengan aman damai melalui sistem demokrasi berparlimen, iaitu Kerajaan rakyat untuk rakyat, oleh rakyat. Oleh itu, Baginda menyeru supaya rakyat jelata mempunyai semangat kerjasama yang teguh bersatu di bawah pemerintahan Baginda menjauhkan diri daripada segala kepentingan peribadi yang mana Baginda percaya kita dapat juga hormat-menghormati di antara satu dengan lain dalam semua hal. Dengan demikian, kita dapat mengukuhkan kedaulatan negara dan memperjuangkan serta mempertahankan kemerdekaan untuk membawa kemajuan bagi membangunkan negara serta kepentingan bagi taraf kehidupan rakyat jelata, bukan hanya yang tinggal di bandar-bandar sahaja bahkan di luar bandar, mereka perlu kemajuan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya perkara ini dapat diteruskan dan dikekalkan buat selama-lamanya jika benar-benar kita rakyat Malaysia bersatupadu, jika-benar-benar rakyat Malaysia kita bersatu hati, lidah dari perbuatan, sama ada kita dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan, Justeru itu, marilah kita semua kaum daripada berbilang keturunan, agama dan bangsa memegang terus kepada prinsip-prinsip mengekalkan toleransi, bertimbangrasa serta hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain bagi mendukung sistem demokrasi yang mana sesuai dalam pemerintahan di negara kita beraja ini, berdaulat, berparlimen dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda terang-terang menyebut bahawa sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini akan musnah. Baginda juga menyeru di dalam Titahnya supaya tiap-tiap rakyat bertanggungjawab, sama ada suratkhobar-suratkhobar, parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan jangan sewenang-wenangnya mementingkan sesuatu puak atau golongan sahaja kerana perkara ini akan dirasakan oleh puak-puak yang lain. Justeru itu, akan membawa kita kepada perpecahan dan untuk menghindarkan perkara yang dipecahkan itu yang dibina selama ini adalah amat sukar.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda adalah sesuai dan tepat pada masanya yang mana setengah-setengah rakyat, setengah-setengah parti politik, setengah-setengah pertubuhan memang dengan sengajanya menimbulkan tidak puashati kerana mereka ini dipengaruhi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab pada hal pada tiap-tiap pilihan-raja mereka diberi peluang untuk memilih corak pemerintahan cara demokrasi dan saya kira pilihan yang dibuat oleh rakyat itu adalah muktamad, bukan cara-cara curang yang didengar dan badan-badan yang kononnya mempunyai ahli-ahli yang banyak ataupun sedikit, suratkhobar-suratkhobar yang menyiarkan sesuka hati tanpa kira nilai, moral, akhlak dan tidak bertanggungjawab di atas lunas-lunas hidup dan prinsip-prinsip demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara menyatupadukan rakyat, kita yakin memang banyak lautan yang perlu direnangi, banyak duri yang akan direntangi dan banyak batu-batu penghalang yang mana sentiasa bekerja keras untuk menghalang dan menentang perbuatan ini. Dalam hal yang demikian, Kerajaan perlu mempertingkatkan lagi dan memperketatkan undang-undang serta sekatan bagi membasmi

anasir-anasir jahat yang sentiasa ingin mengacau keamanan dan ketenteraman yang kita sama-sama menghargai dan cintai selama ini bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara yang di bawah Jabatan Perdana Menteri mestilah mengadakan program-program yang efektif, program-program yang menyeluruh tanpa mengasingkan sesuatu kaum di dalam usahanya membawa keamanan dan perpaduan di antara kaum. Saya yakin masih banyak program-program dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Jabatan tersebut kalau kita benar-benar mahu hidup aman damai sampai ke anak cucu generasi kita akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, program nasional yang mana telah berlangsung di Telok Jong, Pasir Mas, Kelantan baru-baru ini adalah satu langkah yang bijak yang mana Perdana Menteri turut mengambil bahagian dan merasmikannya upacara tersebut. Setia Bersama Rakyat ataupun SEMARAK boleh dan akan memberi kesan yang positif yang mana ianya memberitahu secara langsung kepada rakyat jelata bahawa tiap-tiap pemimpin mesti setia dan bersatupadu bersama rakyat kerana saya yakin pemimpin-pemimpin tidak akan lahir sekiranya ianya sahaja yang ingin menjadi pemimpin, tetapi rakyat tidak mahu ianya menjadi pemimpin. SEMARAK juga boleh jadi sebagai satu asas permulaan di mana kesetiaan pemimpin-pemimpin kepada rakyat dan kesetiaan kepada pemimpin hendaklah mempunyai saling faham-memahami di antara satu dengan yang lain bagi mengekalkan perpaduan untuk meneruskan khidmat-khidmat bagi pembangunan negara dan masyarakat kita selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai warganegara Malaysia turut merasa bangga di atas perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah. Sememangnya usaha-usaha membanteras penyalahgunaan dadah oleh negara kita sudah menjadi contoh kepada masyarakat antarabangaa. Kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus memerangi dadah, sama ada di peringkat menangkap dan mendakwa, mahupun memulih golongan yang menjadi mangsanya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa dalam persidangan Parlimen kali ini Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan) untuk merampas harta pengedar-pengedar dadah telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat. Kepada saya Rang undang-undang ini sangatlah mustahak untuk diluluskan sebagaimana yang dilakukan dengan pembentangan dan lulusnya Rang Undang-undang di Parlimen ini. Malaysia akan dapat menghindar dan membanteras pengedar najis dadah ini, justeru itu kita akan dapat pula menjimatkan berjuta-juta ringgit yang mana peruntukan pemulihan bekas penagih-penagih dadah itu tidak payah diperuntukkan lagi. Jadi, wang yang diperuntukkan itu boleh dibelanjakan bagi pembangunan negara dan juga luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Pasukan Keselamatan kita kerana mereka dapat menjaga keamanan dan kedaulatan negara sejak kemerdekaan hinggalah sekarang. Dedikasi dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita yang terdiri dari Angkatan Tentera dan Polis sangatlah disanjung tinggi oleh rakyat jelata. Saya berharap mereka akan terus berwaspada terhadap segala ancaman dari musuh, baik dari dalam negeri ataupun dari luar.

Memandangkan tanggungjawab anggota Pasukan Keselamatan dan Pertahanan negara kita semakin bertambah dan mencabar dari masa ke semasa, maka sewajarnya mereka ini diberi latihan tentera dan kelengkapan senjata yang mencukupi dan lebih moden bersesuaian dengan keadaan pada masa kini.

Tuan Yang di-pertua, kita semua sedia maklum atas kekejaman pihak rejim Tel Aviv terhadap rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat Sungai Jordan dan seluruh dunia mengutuk sekeras-kerasnya ke atas kezaliman tentera-tentera Israel terhadap orang awam Palestin, tetapi sikap rejim Zionis itu tidak berganjak dari tindakan kejamnya terhadap kebangkitan rakyat Palestin malahan ia meneruskan pencahulan terhadap rakyat yang dijajah olehnya. Keangkuhan rakyat Zionis ini tidak ada perbandingannya, ia terus mencabuli hak-hak asasi rakyat Palestin sejak tahun 1967 dengan sewenang-wenangnya dan membunuh pihak yang menentanginya. Keadaan ini berleluasa oleh kerana rejim Tel Aviv sentiasa yakin bahawa ia mendapat sokongan dari Amerika Syarikat. Rejim Tel Aviv itu tidak akan berupaya untuk meneruskan penaklukan kepada negara rakyat Palestin. Memandangkan hal yang demikian Malaysia harus mengutuk sekeras-kerasnya rejim Tel Aviv ke atas kekejaman terhadap orang Palestin. Malaysia juga perlu menggesa Israel melalui pertubuhan antarabangsa supaya rakyat Palestin dibenarkan pulang ke tanahair mereka dan kebebasan menuntut masa depan meteka seperti yang ditetapkan oleh resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan Malaysia juga hendaklah menggesa Amerika Syarikat supaya mengawal segala tindakan liar yang diambil oleh Kerajaan Tel Aviv terhadap rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mehgucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri yang telaH menganjurkan kutipan derma tabung

rakyat Palestin berikutan dengan penderitaan rakyat Palestin akibat tindakan kejam rejim Tel Aviv. Usaha tersebut jelas menunjukkan simpati rakyat Malaysia, terhadap perjuangan rakyat Palestin untuk menuntut hak mereka di tanahair sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan usul Titah Di Raja ini, saya ingin juga menyentuh tentang masalah penggezetan tanah-tanah rizab Orang Asli yang mana masih belum diselesaikan lagi. Maka dengan ini saya merayu dan memohon jasa baik kepada semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli Exco Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan iaitu Pahang, Kelantan, Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan supaya dapat mempercepatkan kerja proses menggezetkan tanah-tanah yang dipohon oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini kerana saya diberitahu bahawa sejumlah besar lagi tanah-tanah perkampungan dan ladang-ladang Orang Asli, baik di pinggir bandar dan di pedalaman yang didiami serta diusahakan dengan berbagai hasil tanaman kekal seperti getah, dusun-dusun serta lain-lain lagi hasil pertanian yang mana turun-menurun dari nenek-moyang mereka usahakan, tetapi masih banyak lagi yang belum, diwartakan sebagai tanah kawasan simpanan orang Asli yang kekal. Di atas perkara ini beberapa persoalan dan masalah telah timbul akibat daripada kawasan rizab Orang Asli yang belum diwartakan ini seperti berikut:

- (a) Tidak boleh mendapat sebarang bantuan kemudahan tanaman semula daripada pihak agensi Kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan Jabatan Pertanian yang mana kawasan tanah-tanah Orang Asli yang belum diwartakan ini. Didapati berpuluh-puluh ribu hektar luasnya kebun getah tua mereka yang tidak boleh dapat kemudahan bantuan tanaman semula daripada agensi

berkenaan kerana masalah tanah belum diwartakan.

(b) Pengambilan tanah, pencerobohan terhadap tanah orang Asli yang sedang diusahakan itu oleh pihak lain adalah sangat ketara melalui cara himpitan. Ini tidak dapat dinafikan kerana kebanyakan tanah batu sempadan atau landmark tidak ada di Kawasan orang Asli yang telah dikenalpasti. Ini akan menimbulkan rasa tidak puashati dan terjejas perasaan masyarakat orang Asli terhadap kepentingan tanah yang diwarisi sejak zaman nenek-moyang mereka. Tidak ada jaminan yang diharapkan sebagaimana masyarakat lain yang mana sangat bercanggah dengan kenendak-kehendak dasar Kerajaan untuk mengintegrasikan Orang-orang Asli ke dalam masyarakat kebangsaan.

(c) Melalui Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini sekali lagi meminta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan agar mempercepatkan proses mewartakan kawasan-kawasan tanah simpanan Orang Asli ini yang mana masih belum diwartakan supaya dapat dibuat segera dengan tidak memakan masa yang berlarutan demi kesejahteraan bersama, khususnya kepada masyarakat Orang Asli yang amat dirasainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kita setia maklum penduduk Orang Asli di Semenanjung ini adalah merupakan kaum yang paling miskin dan mundur secara dari segi ekonomi. Oleh yang demikian, beberapa tindakan positif ke arah meninggikan taraf ekonomi mereka harus dipertingkatkan. Penduduk Orang asli di Semenanjung hari ini rata-rata mengharapkan sumber rezeki mereka dari hasil-hasil pertanian melalui pembangunan tanah. Kebanyakan tanah yang diduduki oleh Orang Asli belum lagi digazetkan, apatah lagi untuk diberi hakmilik

tanah dan kebanyakan tanah tersebut diusahakan secara tradisional dan tidak ekonomik. Agensi-agensi pembangunan tanah seperti RISDA dan FELCRA tidak dapat memajukan tanah tersebut memandangkan status tanah berkenaan yang mana belum lagi digazetkan.

Dalam hubungan ini, saya bagi pihak masyarakat Orang Asli di Semenanjung merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui agensi masing-masing supaya dapat memberi kelonggaran syarat terhadap tanah-tanah yang diduduki oleh Orang Asli. Kelonggaran syarat yang dimaksudkan itu ialah pihak RISDA dan FELCRA dapat membangunkan tanah Orang Asli di atas nama Jabatan Orang Asli terhadap tanah-tanah Orang Asli yang belum digezetkan.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara yang dicadangkan tadilah yang saya nampak tanah-tanah Orang Asli yang terdapat berpuluh-puluh ribu hektar kebun getah tua akan dapat dimajukan dan Orang Asli pun dijangka dapat memperbaiki taraf ekonomi mereka. Oleh yang demikian saya mengharapkan Kementerian yang bertanggungjawab akan dapat mengkaji dan seterusnya melaksanakan cadangan tersebut, Dalam pada itu Kerajaan-kerajaan Negeri juga diseru supaya menganggap penting proses untuk menggezetkan tanah-tanah Orang Asli yang telah dipohon untuk diwartakan. Sekiranya keadaan ini berterusan maka usaha-usaha Kerajaan ke arah membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat tidak mungkin tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan lagi, walaupun kemelesetan ekonomi dunia sedang membanjiri beberapa negara lain, kita sedang menjalani pembangunan pesat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional iaitu di bawah pimpinan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Sri Dato' Dr. Mahathir Mohamed, walaupun Yang Amat

Berhormat telah menghadapi beberapa cabaran di atas kepimpinannya dalam setahun yang lampau. Beliau telah muncul sebagai seorang pemimpin yang tenang dan tegas dengan kemenangan parti Barisan Nasional di Tanjung Puteri pada 5hb Mac baru-baru ini. Ini telah menunjukkan dengan jelas kepada rakyat bahawa inilah seorang pemimpin yang boleh menjamin negara kita dari segi apa-apa keadaan ataupun kesulitan yang akan mencabar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan dan semua rakyat di negara ini yang taat kepada negara dan Raja yang mana telah memberi sumbangan khidmat mereka untuk mengekalkan keamanan di negara kita ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu. Dengan kata-kata ini, saya sudahi ucapan saya, dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Lim Heng Tee**.

6.20 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Usul yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah memberitahu kita bahawa perpaduan adalah asas untuk mewujudkan satu negara kukuh yang berbilang kaum dan agama. Kalau perpaduan ini tidak wujud, maka keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah dicapai setakat ini akan dihapuskan.

Duli Yang Maha Mulla telah menyatakan bahawa asas untuk perpaduan ialah toleransi dan hormat menghormati. Apakah toleransi dan hormat menghormati ini? Di dalam satu masyarakat demokrasi dan berbilang kaum serta agama, semua kumpulan ethnik dibenarkan memelihara tradisi, adat dan kepercayaan agama masing-masing. Mereka juga dibenarkan membaca dan bertutur di dalam bahasa mereka ataupun bahasa ibunda sungguhpun setiap rakyat menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Toleransi dan hormat menghormati bermakna sesiapa juga, sama ada orang Melayu, orang Cina, orang India ataupun Muslim, Buddhist, Kristian, Hindu dan lain-lain, kita tidak menentang, mengganggu atau mengacau sebarang kegiatan yang berlainan daripada kegiatan kita ataupun tidak disukai oleh kita. Sebaliknya kita harus memahami, menghargai dan menghormati yang bukan dipunyai oleh kita.

Dengan berbuat demikian tidak mungkin ada ketegangan dan salah faham antara kumpulan-kumpulan ethnik dan agama tertentu dan setiap orang merasa bangga dan gembira menjadi rakyat Malaysia dengan "destiny" ataupun nasib yang sama. Itu adalah perpaduan yang benar yang akan menjamin kesetiaan dan kestabilan

Apa yang terjadi dalam satu dua tahun kebelakangan ini telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa tanpa toleransi dan hormat menghormati, kestabilan politik dan ekohomi negara kita akan terancam dengan seriusnya. Jadi, adalah kena pada tempatnya apabila Duli Yang Maha Mulia mengingatkan semua pihak berkenaan khususnya ahli-ahli parti politik, pertubuhan-pertubuhan dan suratkhbar supaya lebih bertanggungjawab dan sederhana dalam tindakan dan kenyataan-kenyataan mereka supaya jangan menjejaskan perpaduan negara. Demokrasi Hanya ada makna kalau ianya diamalkan dengan semangat keadilan dan kesaksamaan di mana minoriti menerima keputusan majoriti manakala kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan minoriti juga dihormati oleh majoriti itu. Kalau tidak, ini bukan demokrasi benar tetapi kezaliman majoriti,

Untuk mencapai keamanan, keharmonian dan perpaduan kebangsaan dalam satu masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, semangat toleransi dan hormat-menghormati adalah sangat mustahak. Sebagai contoh, ambillah kes Bahasa Malaysia. Oleh kerana Bahasa Malaysia telah diterima oleh semua rakyat sebagai Bahasa Kebangsaan, kita mesti menghormati dari mencintainya dengan ikhlas. Pada masa yang sama oleh kerana kita telah bersetuju bahawa bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, Tionghua atau Tamil boleh dipelajari dan digunakan untuk tujuan-tujuan bukan rasmi, tidak sesiapa pun patut menghalang kemajuan sebarang bahasa ini. Adalah pendapat saya bahawa sekiranya

pihak-pihak berkenaan adalah adil dan ikhlas dalam tindakan mereka terhadap bahasa-bahasa lain, penerimaan dan perasaan cinta kepada Bahasa Malaysia akan menjadi penuh erti dan bahasa tidak akan lagi menjadi satu isu, di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh satu isu berkenaan dengan pindaan Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961. Masyarakat Cina dan masyarakat India sejak permulaan telah berasa bimbaag terhadap peruntukan Fasal ini kerana ia mengancam kewujudan yaag berterusan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil di dalam negara ini. Beberapa pemimpin kita termasuk Perdana Menteri dan Menteri-menteri lain telah berulang kali meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan tidak ada tujuan menukar sekolah-sekolah ini kepada Sekolah Rendah Kebangsaan, tetapi masyarakat Cina dan India masih tidak berpuas hati dan banyak ketegangan dan salah faham diwujudkan. Soalan saya ialah, oleh kerana Kerajaan tidak bertujuan mengguna dan melaksanakan peruntukan ini, mengapakah ia masih diadakan? Pinda atau batalkan Fasal ini supaya menunjukkan keikhlasan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ekonomi kebangsaan, saya amat gembira melihat bahawa selepas beberapa tahun kemelesetan, ekonomi kebangsaan mula pulih tahun lepas. Hasil kasar kebangsaan ataupun, dengan izin, GNP telah meningkat 4.7% dan pertumbuhan ekonomi dijangkakan melebihi 4% tahun ini. Kita mesti mengambil perhatian walau bagaimanapun bahawa peningkatan prestasi ini adalah disebabkan oleh harga komoditi dan eksport yang lebih tinggi dan bukan kerana kemajuan nyata dalam struktur dan organisasi ekonomi, keefisienan produktiviti, kos pengeluaran dan sebagainya. Jadi, ekonomi kebangsaan kita masih terancam.

Dalam usaha kita untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mendapatkan pelaburan khasnya pelaburan asing dengan cara memberikan insentif-insentif tertentu dan perkhidmatan-perkhidmatan serta-merta. Hasil usaha ini sangat menggalakkan tetapi ini hanya untuk pelaburan asing sahaja. Pelaburan daripada pengusaha-pengusaha tempatan tidak begitu menggalakkan kenapa? Saya difahamkan bahawa pelabur-pelabur tempatan tidak diberikan insentif dan bantuan seperti yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Kenapa Kerajaan kita mengamalkan diskriminasi terhadap pengusaha-pengusaha tempatan kita? Keadaan yang mencemuh telah diwujudkan, di mana Kerajaan begitu bersusah-payah menarik pelaburan asing semasa rakyat kita melabur di negara-negara lain.

Saya menggesa Kerajaan mengkaji semula dasar ini supaya memberikan galakan dan bantuan yang lebih kepada pelabur-pelabur tempatan

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung ucapan esok.

Persidangan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.